# Pelita ڤليتا بروني BRUNEI

Akhbar Rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

TAHUN 54 BILANGAN 97 | 5 DISEMBER 2009/ 1430 ذوالحجة 17 | EDISI SABTU | PERCUMA


ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

**"NEGARA memang berhajatkan pemimpin-pemimpin yang 'berwatak besar', yang mampu membawa perubahan kepada masyarakatnya. Tanpa sifat ini, seseorang pemimpin itu masih di tahap minima." - Titah Sempena Majlis Perasmian Bangunan Baru Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Kompleks Pengakap pada 26 Jamadilawal 1426H / 3 Julai 2005M.**

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

**"MAKA apabila datang masa pelepasan perintah Kami, Kami jadikan Negeri Lut itu tunggang balik iaitu tertimbus segala yang ada di muka buminya dan Kami menghujaninya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menimpanya bertalu-talu. Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu untuk membinasakan mereka dan ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim." - (Surah Huud ayat 82 - 83).**

# Hubungan Brunei - Thailand terus diperkukuhkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-82 Tahun.

Dalam perutusan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama-sama dengan rakyat negara ini sangat berpuas hati terhadap persahabatan yang mesra dan kerjasama yang rapat di antara kedua-dua buah negara.

Baginda berharap semoga dapat diteruskan kerjasama bagi mengukuhkan hubungan kedua-dua belah pihak dalam lingkungan kerjasama ASEAN.

Di kesempatan ini, baginda juga merakamkan penghargaan yang ikhlas terhadap layanan baik yang telah dihulurkan kepada baginda semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-15 yang telah diadakan di Hua Hin, Thailand, baru-baru ini.

Pada mengakhiri perutusan baginda itu, baginda menyampaikan salam muhibah kepada Kebawah DYMM Raja Bhumibol Adulyadej semoga baginda akan sentiasa dalam keadaan sihat dan sejahtera dan rakyat Thailand akan menikmati kemajuan dan kemakmuran yang berterusan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan yang sama kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, Tuan Yang Terutama Kasit Piromya.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia menyampaikan setinggi-tinggi penghormatan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Raja Bhumibol Adulyadej dan seluruh ahli kerabat diraja serta ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Thailand Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Raja Bhumibol Adulyadej Yang Ke-82.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand.

DYTM dalam perutusan itu juga melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Thailand, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini dan mengucapkan terima kasih kepada TYT serta kakitangan TYT di atas layanan mesra yang diberikan dan semua atur cara yang disusun sepanjang mesyuarat-mesyuarat yang dikendalikan oleh Thailand.

Mengakhiri perutusan itu DYTM menyampaikan ucap selamat atas sambutan yang menggembirakan itu.

> ***"BAGINDA berharap semoga dapat diteruskan kerjasama bagi mengukuhkan hubungan kedua-dua belah pihak dalam lingkungan kerjasama ASEAN."***

**MENARIK**

Muka Surat 4



**BERKENAN berangkat menghadiri Sesi 'Retreat' Ketiga dan Sesi Eksekutif Kedua bagi CHOGM**

Muka Surat 12 & 13



**MAJLIS-MAJLIS ibadah Korban di seluruh negara**

# KUKUHKAN WTO KE ARAH PENYELESAIAN DDA

**Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh**
**Foto: Haji Mohammad Yusof Mohd. Yassin dari Geneva, Switzerland**

GENEVA, SWITZERLAND, Isnin, 2 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersabda menekankan perlunya Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) diperkukuhkan ke arah mencapai penyelesaian Rundingan Pusingan Doha (DDA) yang segera dan berjaya.

Prinsip-prinsip WTO, peraturan dan garis panduan, sabda Duli Yang Teramat Mulia membolehkan rakyat ahli WTO melakukan aktiviti dengan saksama.

"Mengambil keputusan dengan cara konsensus bermakna kami mempunyai satu kata dalam keputusan itu," sabda DYTM di Sesi Plenari hari kedua Persidangan Menteri-menteri WTO Ke-7 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Geneva (CICG), di sini.

Dengan banyaknya aspek kerja lain yang dilaksanakan oleh pertubuhan ini, Duli Yang Teramat Mulia menggariskan dua perkara genting bagi mencapai tujuan paling utama iaitu untuk bekerja dengan rakan-rakan serantau dan berusaha untuk mencapai satu tahap integrasi serantau menjelang tahun 2015.




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika bersabda di Sesi Plenari Hari Kedua Persidangan Menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) Ke-7.

Menurut DYTM, hanya sepuluh daripada anggota ASEAN yang terlibat dan menghadapi tugas berat bersama.

Tetapi pada kenyataannya, jelas DYTM lagi, hanya sembilan buah negara anggota yang menjadi ahli kepada pertubuhan ini yang memberikan faedah besar dan kami berharap dalam sedikit waktu Republik Demokratik Rakyat Lao akan menjadi ahli penuh.

Di kesempatan ini DYTM juga melahirkan rasa puas hati terhadap pendekatan pertubuhan ini dan berharap rakyat serantau yang berada di Geneva dapat memberikan sumbangan yang positif.

"Kita juga berharap persidangan ini akan mendekatkan kami kepada sistem undang-undang seluruh dunia, di samping prosedur yang kami ingin lihat dalam waktu terdekat," demikian harapan DYTM sebelum mengakhiri sabda di persidangan ini.

Agenda persidangan Sesi Plenari hari ini diteruskan dengan kenyataan dari menteri-menteri perdagangan anggota WTO, sementara di ruang yang berasingan para perwakilan dari negara anggota secara serentak juga mengadakan perbincangan di bawah tema 'Kajian Semula Aktiviti-aktiviti WTO, Termasuk Program Kerja Doha'.

Persidangan di hari ketiga esok akan diteruskan lagi dengan ucapan dan kenyataan dari menteri-menteri perdagangan anggota WTO lainnya sebelum berlangsungnya sesi penutup yang berlangsung kira-kira jam 6.30 petang waktu Geneva (kira-kira 1.30 pagi waktu Negara Brunei Darussalam).

Di hari ketiga persidangan, para delegasi WTO yang lain juga akan meneruskan sesi kerja kedua dengan memfokuskan perbincangan di bawah tema 'Sumbangan WTO Untuk Pemulihan, Pertumbuhan dan Pembangunan'.

DYTM semasa bersabda di Persidangan Menteri-menteri WTO Ke-6 di Hong Kong pada tahun 2005 pernah menyarankan agar Persidangan Menteri-menteri WTO mengukuhkan keyakinan negara-negara membangun di dalam semua bidang kerjasama.

Dalam pada itu, DYTM ketika bersabda di Hong Kong empat tahun lalu, juga pernah menggariskan harapan Negara Brunei Darussalam agar Agenda Pembangunan Doha dapat dilaksanakan dengan jayanya.

دڠن نام الله يڠمها
ڤموره دان مها ڤڠاسيه

**Dari Sidang Pengarang**

5 DISEMBER 2009 BERSAMAAN 1430 ذوالحجه 18

## BERSAMA MEMELIHARA KEMAKMURAN, MENINGKATKAN PEMBANGUNAN NEGARA

PARA penerima sijil kerakyatan semestinya memahami tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara dengan yang utama memberikan sokongan dan kerjasama padu kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sememangnya peranan dan tanggungjawab sebagai rakyat adalah sesuatu yang amat berat dan tidak mudah ditunaikan, namun kita perlu menyedari bahawa matlamat kita menjadi rakyat bukanlah semata-mata untuk memenuhi keperluan atau kepentingan individu seperti berumah tangga ekonomi dan kewangan serta mendapatkan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan tetapi yang teramat penting perlunya mempunyai obligasi untuk dipenuhi dan disumbangkan kepada negara bangsa kerana kita secara sukarela telah memilih mendapatkan taraf kerakyatan.

Perlu diingat, setiap mereka yang bergelar warga Negara Brunei Darussalam haruslah sentiasa mendukung sepenuhnya segala aspek yang berkaitan dengan negara termasuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di negara ini, di samping menghindarkan diri dari terlibat dengan perkara-perkara yang boleh menjejaskan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara. Undang-undang tidak memilih sesiapa. Mereka yang didapati sabit kesalahan melanggar undang-undang negara akan didakwa dan dipenjara. Secara menyeluruh peranan dan tanggungjawab itu dilihat dari tiga sudut utama yang mana di dalamnya terdapat komponen-komponen penting iaitu tanggungjawab kepada negara dan pemerintahan, tanggungjawab kepada masyarakat dan tanggungjawab kepada negara.

Mereka perlu mengotakan janji seperti mana lafaz sumpah ikrar taat setia sebagai seorang rakyat Sultan yang antaranya berbunyi : "Bahawa kami akan menumpukan taat setia kami yang ikhlas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pengganti-pengganti baginda menurut undang-undang." Pengurniaan taraf kerakyatan ini perlu disyukuri dan dihargai dengan selayaknya di mana mereka itu kini terikat sama seperti juga warga Negara Brunei Darussalam yang lain dalam memikul tanggungjawab dan amanah untuk kemakmuran dan menaikkan nama Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny ketika berucap di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Ke-27 baru-baru ini menekankan bahawa selaku warga Brunei kita semua menyedari pentingnya menghayati nilai-nilai utama atau 'core values' yang dapat menjamin kemakmuran dan ketahanan bangsa serta negara dalam menghadapi cabaran-cabaran yang melanda ketika ini. Antara ciri-ciri yang mustahak diamalkan ialah seperti kataatan melaksanakan perintah agama, ketaatan kepada pemerintah dan prihatin dan pemedulian terhadap sesama masyarakat.

Negara yang memberikan taraf kerakyatan juga menaruh harapan yang tinggi terhadap rakyatnya untuk memberikan sumbangan yang berkebajikan dan bermanfaat kepada bangsa dan negara. Kerana dapatlah diertikan pemberian taraf kerakyatan itu sebagai 'pelaburan' oleh negara memandangkan rakyat adalah 'mekanisme' yang berharga. Janganlah dijadikan pemberian taraf kerakyatan sebagai 'pasport' untuk meminta itu dan ini dan menagih segala macam kemudahan. Perlu diingat tanggungjawab utama ialah pada memelihara kemakmuran dan meningkatkan pembangunan negara dengan 100 peratus memberikan taat setia kepada raja, di samping memberikan kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan terutama dalam merealisasikan inisiatif-inisiatif kerajaan yang telah diamanahkan.

Semogalah mereka yang telah dikurniakan taraf kerakyatan akan menanamkan keazaman yang sepenuhnya untuk menunaikan peranan dan tanggungjawab dengan hati yang terbuka dengan mematuhi segala macam bentuk peraturan dan undang-undang serta sentiasa menjunjung tinggi keluhuran undang-undang, adat istiadat dan adat resam orang-orang Brunei yang bersendikan falsafah Melayu Islam Beraja. Kita dituntut untuk mengalamnyatakan peribahasa Melayu berbunyi 'Di Mana Bumi Dipijak Di Situ Langit Dijunjung'. Kita percaya dengan ketaatan itu, akan dapat memupuk keharmonian berbangsa dan bernegara dan sekali gus demi menjamin kesejahteraan, keamanan dan keselamatan setiap warga di bumi Darussalam yang bertuah ini serta seterusnya merealisasikan wawasan ke arah negara yang makmur.
- **Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.**

# Tingkatkan pengeluaran hasil buah tempatan

**Bismillahir Rahmannir Rahim**
**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**dan Salam Sejahtera**

SEGALA puji-pujian dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapat kita sama-sama hadir dan berkumpul beramai-ramai di pesta jualan anjuran Koperasi Ladang Kumunal PITA Berhad pada petang ini.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga dan sahabat-sahabat serta juga pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Saya percaya usaha menganjurkan pesta jualan ini adalah untuk menyediakan 'venue' atau (outlet pasaran) dalam memasarkan hasil keluaran ladang komunal ini, di samping meningkatkan hasil pendapatan ekonomi peladang-peladang di kawasan ini. Usaha ini juga secara langsung membantu dalam mempromosikan buah-buahan tempatan agar ianya lebih dikenali dan digemari oleh penduduk tempatan terutamanya kepada pengemar-pengemar buah-buahan tempatan agar ianya lebih dikenali dan digemari oleh penduduk tempatan terutamanya kepada pengemar-pengemar buah dan generasi muda yang mungkin kurang pengetahuan mengenai buah-buahan tersebut. Buah-buahan tempatan adalah warisan negara yang seharusnya dihargai dan dicintai agar ianya tidak pupus disebabkan peredaran zaman. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada peladang-peladang PITA yang telah berusaha mengungkayahkan pesta jualan ini.



UCAPAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, sempena Pesta Jualan Koperasi Ladang Komunal PITA di Kampung Tanah Jambu pada hari Jumaat, 9 Oktober 2009.

Seiring dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini, usaha meningkatkan ekonomi penduduk terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman sering dikaitkan dengan aktiviti bertani dalam bidang pertanian. Justeru itu, aktiviti pertanian yang diusahakan oleh penduduk di kawasan ini amatlah dihargai kerana saya percaya peladang-peladang di sini telah berjaya berdikari dan secara tidak langsung boleh membantu menangani untuk menambah ekonomi keluarga melalui aktiviti perniagaan. Ini juga boleh menggalak anak-anak muda untuk menceburkan diri dalam bidang pemasaran dan jualan.

Meninjau dari statistik pengeluaran pertanian khususnya buah-buahan bagi kawasan Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) secara am, masih terdapat ruang untuk meningkatkan hasil keluarga jika dibandingkan dengan jumlah kawasan yang telah dibenarkan. Dari itu, saya menyeru agar semua peladang dan pengusaha sama ada separuh masa atau penuh masa tidak akan mengabaikan tanggungjawab dan terus berusaha gigih mengambil peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui usaha bertani dalam meningkatkan pengeluaran ladang mereka, seterusnya menyumbang kepada penjanaan dan peningkatan ekonomi keluarga khasnya dan negara amnya.

Kawasan yang diusahakan oleh peladang komunal PITA merupakan contoh yang saya kira perlu di taladani ke arah penggunaan tanah yanag maksimum. Saya menasihatkan agar setiap peladang akan mengusahakan tanah yang ada secara penuh dan tidak membiarkan ianya menjadi ladang yang separuh aktif dan tidak aktif (terbiar) atau menyewakan tanah tersebut kepada orang lain serta menyalahgunakan kemudahan tapak tersebut bagi kegiatan lain. Kerajaan melalui Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) akan terus mewujudkan peluang dengan menyediakan kemudahan kawasan dan infrastruktur asas dengan kadar penyewaan yang rendah. Kesempatan yang diberikan ini perlulah dimanfaatkan semaksimum mungkin.

Aktiviti yang dilaksanakan juga diharapkan akan berupaya meningkatkan pengeluaran hasil buah-buahan tempatan yang pada masa ini masih di tahap yang rendah, iaitu 30.4 peratus (3,484 mt) pada tahun 2008 daripada keseluruhan keperluan buah tropika negara. Menjelang tahun 2023, Jabatan Pertanian telah mensasarkan pengeluaran buah-buahan tempatan dengan jumlah kria-kira 24,000 tan metrik untuk memenuhi 100 peratus tahap sara diri. Bagi mempertingkatkan pembangunan sektor tersebut, usaha-usaha yang gigih juga sedang diungkayahkan bagi menerokai industri pemprosesan yang mempunyai potensi untuk dimanfaatkan di pasaran eksport.

Di kesempatan ini, saya ingin berkongsi bersama mengenai peri mustahaknya peranan yang dimainkan oleh KPSSU melalui Jabatan Pertanian dalam memastikan bekalan makanan yang mana majoritinya berasaskan sumber komoditi pertanian ke arah menyediakan sekuriti makanan bagi penduduk negara ini. Perkembangan sektor pertanian dewasa ini adalah lebih menuju kepada arus perkembangan terkini serta mengambilkira tuntutan era globalisasi masa kini.

Persoalannya sekarang ialah sejauh manakah kita mampu menyediakan bekalan makanan utama tanpa banyak bergantung kepada bekalan import? Pembangunan era globalisasi tidak dinafikan membawa perkembangan yang positif kepada sektor pertanian terutama dalam merebut persaingan pasaran serantau dan antarabangsa. Dalam hubungan ini cabaran untuk menyediakan bahan makanan keluaran tempatan untuk keperluan sara diri, di samping kita menyediakan bahan mentah untuk produk pasaran eksport merupakan dua perkara yang penting untuk ditangani dalam masa yang sama.

Seiring dengan perlaksanaan pembangunan komoditi produk-produk makanan seperti tanaman, ternakan dan agrimakanan, salah satu unsur yang penting dalam menggerak pembangunan sektor ini ialah pembangunan sumber tenaga manusia yang terancang.

Pembangunan sumber manusia adalah merupakan tulang belakang kerajaan yang sedang mengalami perubahan persekitaran yang dinamik. Ini adalah bagi memenuhi ekspektasi pemberian perkhidmatan dan kemudahan bagi proses pengeluaran produk yang cemerlang. Pelbagai disiplin bagi meningkatkan kualti dan merealisasikan peranan KPSSU telah dijayakan dan ini menuntut komitmen menyeluruh bukan hanya di pihak kementerian malah ianya juga memerlukan komitmen penuh dari para pengusaha ladang agar dapat memberikan impak yang berkesan dalam konteks meningkatkan keupayaan pengeluaran hasil pertanian tempatan. Ini kerana peladang-peladang dan pengusaha-pengusaha lain adalah merupakan 'players' selaku pengeluar, penyedia, pembekal dan peniaga dalam sama-sama memajukan sektor pertanian di negara ini.

Mudah-mudahan dengan persepakatan strategik di antara pihak kerajaan dan swasta, seperti mana yang kita lihat dalam pesta ini akan menjadi perangsang bagi semua pihak untuk meningkatkan lagi komitmen ke arah memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada ekonomi negara yang kita cintai ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sukacita ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak dan Ahli Jawatankuasa Penganjur Pesta ini atas kesudian menjemput saya bagi menyempurnakan perasmian pesta jualan pada petang ini.

Akhirnya, dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir rahim' maka saya dengan sukacitnya merasmikan Pesta Jualan Anjuran Koperasi Ladang Komunal PITA ini.

Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**SIDANG PENGARANG**

**Ketua Penyuntingan**
Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

**Pemberitaan**
Zabaidah Haji Salat,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman

**Penyemakan**
Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Amal Nazirah Haji Maidin,
Nur Hidayati Haji Haris

**Penyuntingan**
Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

**Penyelaras dan Reka Letak**
Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

**Penterjemah**
Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

**Pereka Letak**
Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd. Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh, Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Nur Zafirah Md. Hussin

**pelita.brunei@information.gov.bn** **produksi.pb@information.gov.bn**
**iklan.pb@information.gov.bn** **foto.pb@information.gov.bn**

# Brunei komited pastikan penjagaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Disember. - Negara Brunei Darussalam amat komited ke arah memastikan akses universal dan saksama bagi perkhidmatan pengajaan kesihatan yang lebih baik.

Ini sejajar dengan tema Hari AIDS Sedunia 2009, 'Akses Sejagat dan Hak Asasi Manusia'.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman menekan perkara tersebut dalam perutusan sempena Hari AIDS Sedunia 2009.

Menurut Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyediakan pengajian kesihatan yang komprehensif dan percuma kepada semua warga negara dan penduduk tetap negara ini.

Ubat-ubatan antiretroviral, jelas Yang Berhormat, sudah tersedia dengan 100 peratus perlindungan termasuk peringkat kedua dan ketiga terapi bagi mereka yang memerlukannya.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, semua ibu-ibu mengandung secara rutin terus menjalani pemeriksaan HIV.

"Dengan memastikan semua ibu yang positif HIV menerima rawatan antiretroviral dan semua kelahiran disambut oleh kakitangan-kakitangan yang terlatih, risiko jangkitan HIV dari ibu kepada anak telah hampir dihapuskan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, usaha-usaha telah diusahakan ke arah program-program pencegahan HIV yang bertujuan meningkatkan kesedaran kesihatan seksual terutama belia-belia yang disasarkan.

Pendekatan-pendekatan kesedaran kita, ujar Yang Berhormat, mengambil kira hal-hal agama dan budaya yang sensitif dan difokuskan terus kepada kesihatan secara holistik merangkumi tingkah laku yang selamat, gaya hidup sihat, penjagaan nilai-nilai keluarga, kesihatan sebagai tanggungjawab peribadi serta isu-isu khusus meliputi pengujian, rawatan, diskriminasi dan stigma berkaitan dengan HIV/ AIDS.

Kata Yang Berhormat, kita amat beruntung atas kerjasama pelbagai sektor di antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam terutama sayap pemudanya dan Bank Standard Chartered.

> ***" SEMUA ibu-ibu mengandung secara rutin terus menjalani pemeriksaan HIV. Dengan memastikan semua ibu yang positif HIV menerima rawatan antiretroviral dan semua kelahiran disambut oleh kakitangan-kakitangan yang terlatih, risiko jangkitan HIV dari ibu kepada anak telah hampir dihapuskan."***

Ini, tambah Yang Berhormat, menggariskan kepentingan penglibatan-penglibatan penggunaan usaha masyarakat sivil dalam pencegahan HIV / AIDS dan kami juga ingin berterima kasih atas usaha-usaha besar mereka.

"Walaupun kita telah melakukan pelbagai langkah dalam menangani isu akses sejagat dalam pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokongan, kita tidak seharusnya berpuas hati," tegas Yang Berhormat.

Dengan bertambahnya penduduk muda dan penyebaran jangkitan seksual yang sedang meningkat, kata Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam dijangka terus terdedah kepada ancaman pandemik yang sedang melanda.

Jelas Yang Berhormat, di sebalik penyebaran HIV yang rendah di negara ini, Negara Brunei Darussalam tidak terselamat dari pandemik HIV, di mana sejak 1986 terdapat 56 kes HIV tempatan setakat ini dan sebelas kes daripadanya dicatatkan dalam tahun ini.

Lelaki berumur antara 20 ke 39 tahun, setakat tahun lepas mencatatkan lebih dari 80 peratus dari jumlah keseluruhan jangkitan baru dengan amalan-amalan seksual tidak selamat diperakui sebagai cara penyebaran yang paling biasa.

Hari AIDS Sedunia diperingati oleh ramai orang di seluruh dunia pada setiap 1 Disember bagi meningkatkan kesedaran mengenai HIV / AIDS dan menunjukkan kesepaduan antarabangsa dalam mengadapi pandemik yang sedang melanda.

Hari ini, kata Yang Berhormat, merupakan salah satu peluang yang paling jelas bagi rakan-rakan kongsi awam dan persendirian dalam menyebarkan kesedaran pandemik dan menggalakkan perkembangan terhadap pencegahan, rawatan dan pengajaan HIV / AIDS seluruh dunia.

Kini terdapat 33.2 milion orang menghidap HIV menurut perangkaan 2007 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

Dianggarkan seramai 2.5 milion pesakit baru dijangkiti virus dan 2.1 milion mati disebabkan AIDS pada tahun yang sama.

Manakala di kawasan Selatan dan Asia Tenggara sahaja mencatatkan empat milion penghidap HIV dan dianggarkan 340 ribu orang baru dijangkiti dengan 240 ribu kematian disebabkan oleh AIDS dalam tahun 2007.

Ketua-ketua kerajaan seluruh dunia, ujar Yang Berhormat, telah berikrar untuk bekerja ke arah akses sejagat terhadap pencegahan, rawatan dan penjagaan HIV / AIDS, mengenal pasti perkara ini sebagai hak-hak manusia yang asas. Kemajuan yang bernilai telah dilaksanakan dalam meningkatkan akses kepada perkhidmatan HIV / AIDS.

Walaupun pada masa ini belum terdapat sebarang vaksin penyembuh HIV, kata Yang Berhormat, tetapi sejak kewujudan rawatan antiretroviral yang efektif, ramai orang jika didiagnosis lebih awal boleh menjalani kehidupan lebih bermakna dan dijangka untuk terus hidup dalam lingkungan kehidupan yang normal.

Bagaimanapun, ia juga penting bahawa kita melakukan yang terbaik dalam memastikan orang yang menghidap HIV boleh meneruskan kehidupan mereka dalam persekitaran yang terhindar dari stigma dan perbezaan sebagai sebahagian daripada hak-hak asasi manusia asas mereka.

# Taman Agroteknologi Brunei menjadi mercu kejayaan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim




**MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang pertandingan acara-acara yang telah dianjurkan sepanjang Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.**

GADONG, Selasa, 1 Disember. - Kawasan Baru Taman Agroteknologi Brunei perlu cepat dibangun mengikut perancangan sesuai dengan hasrat menjadikan sektor pertanian salah satu sektor yang penting dalam menjana ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya menyatakan perkara tersebut di Majlis Kesyukuran Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) Ke-31 dan Majlis Penutup Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009, berlangsung di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku, di sini.

Yang Berhormat berharap satu masa nanti Taman Agroteknologi Brunei itu akan menjadi mercu kejayaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) yang menjadi pemangkin kepada inovasi pertanian dan agrimakanan yang akan memberikan sumbangan yang signifikan kepada peralihan sektor pertanian tradisi kepada sektor pertanian berteknologi tinggi.

Selain itu, Yang Berhormat juga berharap taman itu nanti akan menjadi daya tarikan kepada pembangunan pertanian di peringkat serantau dan antarabangsa khususnya dalam forum AMAF.

Taman Agroteknologi Brunei ini juga, jelas Yang Berhormat, dihasratkan akan membantu atau komplimen kepada pembangunan sains dan teknologi yang berkaitan dengan inovasi pertanian ke arah memenuhi pembangunan kapasiti tempatan dalam mencapai wawasan negara.

Menyentuh mengenai penukaran nama Jabatan Pertanian kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti mana pemakluman melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa perasmian Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009 yang lalu, Yang Berhormat berkata pertukaran nama tersebut sudah setentunya mencerminkan kepentingan hala tuju pembangunan sektor pertanian di masa akan datang.

Perkara itu, jelas Yang Berhormat lagi, adalah bersesuaian dengan peranan utama dalam memastikan sekuriti pemakanan di negara ini melalui penghasilan keluaran komoditi pertanian tempatan.

Di majlis itu Yang Berhormat juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang acara-acara yang dipertandingkan sepanjang ekspo diadakan.

Seramai 38,199 orang dicatat mengunjungi ekspo 12 hari itu, melebihi jangkaan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan selaku pihak penganjur.

Jumlah itu juga merupakan yang tertinggi berbanding dengan jumlah pengunjung di ekspo-ekspo yang pernah dianjurkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sebelum ini.

Majlis Kesyukuran Mesyuarat AMAF Ke-31 dan Majlis Penutup Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009 merupakan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam kedua-dua acara tersebut.

# Brunei sedang alami monsun peralihan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Disember. - Negara Brunei Darussalam sedang mengalami monsun peralihan atau transasi sebelum monsun Timur laut berdasarkan pusingan monsun.

Seperti kelaziman dalam monsun peralihan kejadian aktiviti hujan dan ribut petir akhir-akhir ini adalah aktif semenjak minggu kedua bulan November.

Kadar turunan harian sehingga 29 November yang direkodkan oleh Stesen Pencerapan Kajicuaca Lapangan Terbang adalah sebanyak 371.7 mm berbanding dengan purata jangka panjang bagi bulan November ialah 17 mm.

Keadaan trend cuaca yang basah masa ini mempunyai hubung kait dengan aktifnya pertembungan jalur antara tropika, di mana jalur kawasan hujan memusat di sepanjang zon Khatulistiwa di negara-negara benua maritim Asia Tenggara dalam bentuk orientasi dari Timur ke Barat.

Dijangkakan bahawa aktiviti monsun akan meningkat semasa separuh masa monson Timur Laut, terutamanya pada bulan Disember ke pertengahan bulan Januari dikenali sebagai musim tengkujuh, di mana secara purata tempoh ini dianggap yang terbasah setiap tahun.

Adalah penting untuk diketahui bahawa risiko tinggi bagi berlakunya kejadian banjir kilat di kawasan-kawasan mudah banjir jika berlaku hujan sederhana ke lebat berterusan untuk lebih dua jam.

Seperti jua kejadian yang lepas risiko bagi kejadian banjir kilat yang teruk berlaku semasa kejadian hujan lebat berpanjangan bertembung dengan kejadian air pasang tinggi.

Sehubungan ini dinasihatkan kepada orang ramai supaya akan mengambil langkah berjaga-jaga semasa kejadian cuaca ekstrim termasuk hujan lebat, semata-mata untuk keselamatan dan mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

Bahagian Perkhidmatan Kajicuaca, Jabatan Penerbangan Awam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa.

Jika situasi memerlukan amaran cuaca ekstrim akan dikeluarkan termasuk banjir kilat dan disalurkan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan orang ramai.

Orang ramai dan pihak yang memerlukan bolehlah mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui laman web Perkhidmatan Kajicuaca www.bruneiweather.com.bn atau menghubungi Pegawai Peramal Kajicuaca yang bertugas di Pejabat Ramalan Kajicuaca Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerbangan Awam sama ada melalui talian (hotline) 114 atau 2330142 sambungan 1888/1551.

# Perubahan iklim ancam negara-negara membangun

TOBAGO, Sabtu, 28 November. - Perubahan iklim terus menimbulkan ancaman kepada negara-negara membangun terutama negara kepulauan kecil yang tidak menyumbang kepada pemanasan global.

Perkara tersebut menjadi keperluan bagi Komanwel mengambil pendirian tegas mengenai kepentingan mengadakan penjanjian perubahan iklim yang terikat dari segi undang-undang pada persidangan yang dijadualkan diadakan di Copenhagen bermula 7 Disember ini.

Persidangan perubahan iklim di ibu kota Denmark itu bertujuan mencapai persetujuan menggantikan Protokol Kyoto 1997 dan akan berakhir dengan Perhimpunan Peringkat Sidang Kemuncak pada 17 dan 18 Disember nanti.

Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) 2009 bermula pada Jumaat lepas memberikan isyarat jelas akan keinginan kuat perkumpulan itu untuk melihat persidangan perubahan iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menghasilkan satu perjanjian yang terikat daripada segi undang-undang.

Mereka berpendapat pakatan perubahan iklim yang berasaskan ikatan politik tidak memadai kerana akan sukar untuk menentukan tahap kesungguhan di kalangan negara-negara maju.

Ini merupakan salah satu sesi akhir hari pertama sidang kemuncak yang dirasmikan oleh Ratu Elizabeth II, mengenai perubahan iklim.

Banyak negara anggota Komanwel, terutama negara-negara membangun di kepulauan kecil menjadi mangsa perubahan iklim.

Semasa pencelahan, sebilangan mereka menyatakan bahawa jika pemanasan global berterusan, rangkaian kepulauan mereka pasti akan tenggelam.

Ketika merasmikan CHOGM 2009, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ratu Elizabeth II bertitah bahawa ancaman kepada alam sekitar kini merupakan cabaran global yang akan terus menjejaskan keselamatan dan kestabilan berjuta penduduk dunia dalam tahun-tahun mendatang.

Baginda bertitah, mereka yang terlibat sebahagiannya tinggal di negara-negara Komanwel merupakan golongan yang amat mudah terjejas dan tidak berkeupayaan untuk menghadapi kesan buruk perubahan iklim.

"Komanwel boleh berbangga dengan kenyataan bahawa selama enam dekad penubuhannya, ia telah memberikan maklum balas antarabangsa terhadap cabaran-cabaran global yang muncul.

"Dan menjelang Sidang Kemuncak Mengenai Perubahan Iklim PBB di Copenhagen, Komanwel mempunyai peluang untuk menjadi peneraju sekali lagi," titah baginda.

Baginda bertitah, salah satu kekuatan Komanwel terletak pada komitmen terhadap tujuan dan nilai-nilai bersama selain berjanji untuk 'mewujudkan perdamaian, kebebasan dan kemajuan' seperti mana yang telah ditegaskan dalam Perisytiharan London pada tahun 1949 yang memberikan penekanan tentang apa yang berlaku terdahulu iaitu menghargai kebebasan, demokrasi dan pembangunan.

Selain itu, titah baginda, Komanwel juga semestinya turut sama dalam memelihara belia-belia muda, seperti halnya dengan cabaran persekitaran masalah perubahan iklim dan ini bukanlah hal yang baru, memandangkan Komanwel sudah mencapai usia 60 tahun.

Masa depan persatuan ini jelas baginda, terletak di tangan satu bilion belia di bawah usia 25 tahun.

"Komanwel harus menunjukkan bahawa ia bekerjasama dalam menyokong belia-belia remaja yang memerlukan keyakinan bahawa Komanwel dapat membantu mereka merealisasikan impian dan cita-cita mereka," tambah baginda lagi.

Komanwel selama ini berhasil dalam mengurangkan jurang perbezaan kerana adanya tradisi yang kuat membina kesepakatan dan mengukuhkan kerjasama.

Kekuatan ini bersandarkan kepada kepelbagaian dan perkongsian komitmen ke arah demokrasi, kebebasan dan toleransi.

Sebahagian besar ahli Komanwel berada di lima buah benua, terdiri dari satu pertiga jumlah penduduk dunia selain menyumbang satu perlima dari jumlah perdagangan global.

Mesyuarat CHOGM bermula Jumaat lepas dengan Upacara Pembukaan Rasmi oleh Ketua Komanwel, Kebawah DYMM Ratu Elizabeth II di Akademi Nasional Untuk Persembahan Seni (NAPA) di Port of Spain, ibu negara Republik Trinidad dan Tobago.

CHOGM 2009 memfokuskan strategi pelbagai cabang ke arah mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan, membasmi kemiskinan dan melaksanakan tindakan-tindakan segera terhadap perubahan iklim.

CHOGM dianggotai 53 negara bekas jajahan British menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-60 tahun ini.

## Berkenan berangkat menghadiri Sesi 'Retreat' Ketiga dan Sesi Eksekutif Kedua bagi CHOGM

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Masri Osman dari Republik Trinidad dan Tobago

# KENYATAAN CHOGM 2009 DILULUSKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd. Najib semasa berangkat dan hadir di hari terakhir CHOGM 2009.



DULI Yang Teramat Mulia bersama pemimpin lain meneliti dokumen di hari terakhir CHOGM 2009.



DYTM berkenan berangkat menghadiri Majlis Penutup CHOGM.

TOBAGO, Sabtu, 29 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Sesi 'Retreat' Ketiga dan Sesi Eksekutif Kedua bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) Ke-21 di Hyatt Regency Trinidad.

Mesyuarat meluluskan Kenyataan CHOGM 2009 yang antara lain menyatakan strategi bagi menangani cabaran-cabaran global yang dihadapi oleh Komanwel dari segi aspek politik, sosial dan ekonomi. Ketua-ketua Kerajaan turut meluluskan Kenyataan Port of Spain mengenai nilai-nilai dan prinsip-prinsip Komanwel dan juga mengenai perubahan iklim.

Ketua-ketua kerajaan mengalu-alukan Australia untuk menjadi tuan rumah bagi CHOGM 2011.

Di sebelah petang Duli Yang Teramat Mulia berangkat meninggalkan Port of Spain selepas menghadiri CHOGM.

Sebelum berangkat meninggalkan Hyatt Regency Trinidad doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya bin Haji Ibrahim.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Piarco untuk mengucapkan selamat belayar kepada DYTM ialah Menteri Pentadbiran Awam Republik Trinidad dan Tobago, Yang Berhormat Kennedy Swaratsingh dan Senator Kerajaan, Senator Linus Rogers.

Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Dalam mesyuarat hari terakhir Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada hari ini bahawa CHOGM tidak mahu komitmen untuk mengurangkan pemanasan global sekali lagi hanya merupakan persetujuan politik, sedangkan kesan paling buruk daripada perubahan iklim ialah kepada negara membangun dan negara kepulauan kecil.

Mesyuarat turut menekankan supaya sebahagian dana perubahan iklim berjumlah USD10 bilion setahun untuk tempoh tiga tahun yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Britain, Yang Amat Berhormat Gordon Brown diberikan kepada negara membangun dan negara kepulauan kecil.

Dana yang diwujudkan nanti diharap tidak akan disertai dengan terlalu banyak syarat yang tidak diketahui lebih awal kerana ia akan membantutkan usaha negara membangun dan negara kepulauan kecil kerana tujuan sebenarnya dana tersebut diwujudkan adalah merujuk kepada beberapa buah negara kepulauan kecil seperti Maldives dan Tuvalu yang menghadapi ancaman tenggelam dalam beberapa dekad lagi akibat pemanasan global.

Pemimpin Komanwel juga memberi sokongan jitu kepada pembiayaan permulaan segera bagi membantu negara yang terjejas teruk menangani kesan buruk perubahan iklim.

Mereka mengeluarkan satu deklarasi mengenai perubahan iklim yang memasukkan cadangan Malaysia bahawa bantuan kewangan berkenaan diberikan dalam bentuk geran daripada pinjaman dengan kadar faedah rendah.

Komitmen tegas CHOGM itu dinyatakan semasa sesi khas mengenai perubahan iklim yang turut melibatkan Perdana Menteri Denmark, Lars Rasmussen, Presiden Perancis, Nicolas Sarkozy dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Ban Ki-moon.





DYTM menadah tangan ketika doa selamat dibacakan sebelum berangkat meninggalkan Hyat Regency Trinidad yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya (kiri), sementara gambar kanan, berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Piarco untuk mengucapkan selamat belayar kepada DYTM ialah Menteri Pentadbiran Awam Republik Trinidad dan Tobago, Yang Berhormat Kennedy Swaratsingh.

# Bengkel Perancangan Dasar, Penyelidikan berakhir dengan penyampaian sijil



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta Bengkel Perancangan Dasar dan Penyelidikan Sistem Kesihatan. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Abdullah Asgar

JERUDONG, Sabtu, 31 Oktober. - Bengkel dua hari Perancangan Dasar dan Penyelidikan Sistem Kesihatan berakhir malam ini dengan Majlis Penyampaian Sijil di Majlis Makan Malam yang berlangsung di Restoran Tarindak De' Polo Royal Polo Club Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada peserta bengkel ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Bengkel disertai oleh 46 peserta terdiri dari ahli-ahli profesional di kementerian itu dan dikendalikan oleh narasumber, pakar perunding dari Lee Kuan Yew School of Public Policy, Universiti National Singapura, Profesor Phua Kai Hong.

Selain mengenal pasti agenda dan bidang keutamaan dalam penyelidikan kesihatan, bengkel juga bertujuan untuk menetapkan sasaran dan pencapaian untuk dasar kesihatan dan sistem penyelidikan serta penyelidikan perubatan dan etik, di samping menyediakan 'template blueprint' atau 'pelan templat' penyelidikan kesihatan bagi Kementerian Kesihatan.

Bengkel tersebut juga merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan bagi mencapai objektif strategik untuk mempromosikan penyelidikan dan perkembangan melalui penyediaan dokumen dasar 'blueprint' penyelidikan kesihatan.

Juga hadir di majlis ini, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Momin dan Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Rosli bin Haji Mustapa.

Narasumber bengkel, Profesor Phua juga menyampaikan rumusan bengkel yang antara lain mengandungi misi penyelidikan, hala tuju strategi, dasar penyelidikan dan isu-isu penyelidikan kebangsaan.

# Bengkel Menghadapi Keperluan Pelajar Pintar berakhir dengan majlis penutup

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

RIMBA, Isnin, 23 November. - Bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan persediaan yang diperlukan dari segi sumber, tenaga dan latihan bagi pelaksanaan Program Pendidikan 'Gifted and Talented', satu Bengkel Mengenai 'Kurikulum Berbeza, Arahan dan Taksiran Bagi Pelajar Berbakat' telah diadakan dan berakhir dengan majlis penutup.

Bengkel tersebut ditutup rasmi oleh Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin, berlangsung di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Ketika berucap di majlis itu, Pengiran Hajah Sarah berkata sepanjang bengkel diadakan para peserta telah mendalami kefahaman dalam mengemukakan keperluan pembelajaran bagi para pelajar pintar.

Melalui bengkel-bengkel interaktif seumpama ini katanya, para peserta menyedari akan kepentingan para pelajar diberikan peluang untuk membuat persembahan dan menawan keperluan pembelajaran mereka dengan mengaplikasikan konsep kepelbagaian kurikulum sebagai pendekatan yang mustahak untuk mencapai hasrat tersebut.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Bengkel Mengenai 'Kurikulum Berbeza, Arahan dan Taksiran Bagi Pelajar Berbakat'. - Foto : Azmah Haji Ahad dan Mastinah Malik.

Bengkel yang dikendalikan oleh Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan itu disertai oleh lebih 80 tenaga pengajar dan lebih 20 perancang kurikulum yang akan memainkan peranan penting dalam meneruskan usaha Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan lagi sistem pendidikan inklusif dalam langkah pendidikan berkualiti tinggi.

Melalui bengkel ini para peserta berpeluang menimba pengetahuan dari seorang pakar bertaraf antarabangsa, di samping dapat membuat persediaan yang berkaitan bagi pelaksanaan program berkenaan.

Dengan maklumat dan pengetahuan yang diperolehi, jawatankuasa kerja serta para pendidik akan dapat merancang kesesuaian dan membentuk kurikulum yang bertepatan dengan keperluan dan garis pandu SPN21 Kementerian Pendidikan.

KPSSU KAJI SEMULA RANCANGAN STRATEGIK:

# Penekanan kepada tahap sara diri yang lebih baik



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Pengiran Hajah Mariana Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin di Majlis Perasmian Kursus Latihan Para Pelatih Dalam Pengeluaran Padi. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) mengkaji semula rancangan strategik yang memberi penekanan kepada hala tuju dan sasaran baru bagi menyesuaikan kepada tahap sara diri yang lebih baik.

Perkara itu dijelaskan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Pengiran Hajah Mariana Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin di Majlis Perasmian Kursus Latihan Para Pelatih Dalam Pengeluaran Padi.

Pada majlis yang berlangsung di bangunan kementerian itu, Pengiran Hajah Mariana berkata, KPSSU menyedari sepenuhnya bahawa perkara itu merupakan tugas yang amat mencabar.

"Membuka kawasan-kawasan baru, pengenalan jenis-jenis dan teknologi-teknologi baru menuntut usaha bersepadu dari semua agensi kerajaan berkaitan dan perubahan minda para petani itu," jelasnya.

Katanya lagi, transformasi dari cara tradisional dan konvensional penanaman padi kepada bertani secara moden dan menggunakan jentera memerlukan pemindahan teknologi dan kemahiran-kemahiran para petani.

Menambahkan lagi kerumitan itu jelasnya, penyesuaian 'varieti-varieti' baru itu kepada keadaan setempat memerlukan sedikit masa sebelum potensi hasil optimum jenis-jenis beras baru itu diketahui.

Lebih 30 peserta dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seluruh negara dan Sekolah Vokasional Wasan menyertai latihan yang bermula sejak 26 November hingga 23 Disember lalu.

Latihan yang merupakan projek kerjasama antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU dan Institut Penyelidikan Beras Filipina, Jabatan Pertanian Republik Filipina itu antara lain bertujuan untuk menyediakan pendekatan keperluan kemajuan pertanian yang efektif dan inovatif.

Memandangkan pihak kerajaan menumpukan kepada perkembangan pertanian dan sara diri dalam penghasilan beras, kakitangan pertanian tambahan dikenalpasti untuk aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti.

# Peserta Bengkel V-Sigma terima sijil



PENOLONG Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Madya Dr. Azman menyampaikan sijil kepada Awang Haji Mahmud bin Haji Masri, seorang peserta Bengkel V-SIGMA, berlangsung di UBD.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

GADONG, Isnin, 30 November. - Seramai 80 orang peserta terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta juga para graduan yang baru tamat pengajian menerima sijil masing-masing setelah mengikuti Bengkel V-Sigma - 'Aim Further with Key Leadership and Executive Skills' bermula pada 16 November lepas.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bengkel kelolaan Institute for Leadership, Innovation and Advancement (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) itu berlangsung di Bangunan ILIA, di sini.

Penolong Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Azman bin Ahmad hadir, selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyampaian sijil kepada para peserta bengkel.

Menurut Pengarah ILIA, Dr. Diana Cheong, selama sepuluh hari bengkel diadakan, para peserta telah diberikan pendedahan mengenai kesemua kemahiran kepimpinan, pemikiran strategik, pengurusan kewangan, perundingan dan kemahiran-kemahiran yang sah.

Bengkel diharap akan memberikan landasan yang baik dan pemahaman bagi kepimpinan teras dan kemahiran-kemahiran eksekutif yang berharga dan kemahiran-kemahiran untuk pencapaian terutama sekali dalam mempersembahkan pasaran kerja yang kompetitif.

Sebanyak 99 peratus daripada peserta telah memberikan respons yang sangat bagus mengenai kursus berkenaan dan bercadang untuk menawarkan program tersebut kepada rakan sekerja yang lain.



SAAT-SAAT mengharukan kepulangan jemaah haji ke pangkuan keluarga dengan selamat. Kasih sayang ayah dan anak setelah ditinggalkan selama menunaikan fardu haji.

SETENTUNYA saat-saat kepulangan jemaah haji ke pangkuan keluarga dengan selamat dari Tanah Suci setelah selesai menunaikan Rukun Islam Kelima ibadah haji merupakan detik yang amat menggembirakan dan mengharukan.

Alhamdulillah beberapa jemaah haji yang kembali ke tanah air melahirkan rasa kesyukuran dan berasa gembira kerana telah berjaya menempuh perjalanan yang jauh yang diwarnai oleh pelbagai cabaran dan dugaan kerana telah selamat dapat menunaikan ibadah haji, di samping dapat kembali ke kampung halaman dan ke pangkuan keluarga.

Beberapa orang ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI, Awang Haji Halim bin Haji Sulaiman dan isteri turut merasa gembira kerana telah dapat bertemu semula sesama mereka selepas hampir sebulan atau lebih pergi meninggalkan mereka menunaikan fardu haji di Tanah Suci.

Menurut mereka yang mengikuti pakej Darussalam Holdings rata-rata berpuas hati dengan pelbagai kemudahan termasuk tempat tinggal, pengangkutan perjalanan, hidangan dan kesejahteraan para jemaah, di samping para petugas yang memberikan layanan yang istimewa dan memuaskan sama ada di Madinah, Mekah dan Jeddah.

Kita bersyukur ibadah haji 1430 Hijriah ini adalah dicatatkan dalam sejarah sebagai tempoh yang tiada insiden buruk berlaku seperti pada tahun-tahun sebelumnya. Ini kita perhatikan Kerajaan Arab Saudi telah mempertingkatkan pembinaan kemudahan asas bagi keselesaan jemaah haji dan membelanjakan berbilion Riyal Saudi yang bermula pada tahun 2006 lagi.

"Alhamdulillah dengan pembesaran tempat melontar dan pihak Kerajaan Arab Saudi juga memastikan jadual waktu melontar bagi setiap negara dipatuhi seperti tempat melontar diperbesarkan daripada 18 meter kepada 40 meter panjang dan jamrah itu yang berbentuk kapal layar, berkelebaran 14 meter," tegas beliau lagi.

Beberapa jemaah lain ditemui iaitu Pengiran Haji Mohd. Khairul Asmie bin Pengiran Haji Sabtu Kamaluddin bersama isteri, Dayang Hajah Zarinah binti Haji Zahari berpuas hati dan bergembira dengan kelancaran serta kelicinan jadual-jadual perjalanan semasa mengerjakan haji pada musim haji ini.

Mereka adalah di antara 181 jemaah haji yang mengikuti penerbangan pertama Brunei dengan pesawat khas BI 4192 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 2 Disember lepas dan hari ini adalah penerbangan ketiga dan esok adalah penerbangan terakhir bagi jemaah haji.

Di saat-saat kegembiraan seperti ini tentu pelbagai sambutan akan diadakan dan beraneka acara akan diaturkan, termasuklah mengadakan Majlis Doa Selamat atau Kesyukuran.

Alhamdulillah, suasana menyambut kepulangan jemaah haji adalah berbeza dari beberapa tahun lalu. Sambutannya walaupun sederhana tetap meriah dengan mengadakan doa kesyukuran dan berdikir di bandingkan dengan dahulu menyambut kepulangan haji dengan membina pintu gerbang dengan beraneka warna, laluan setiap jemaah yang tiba akan disediakan 'kain puadai 'dan kain itu 'dibagi-bagikan ' bagi mendapat berkat, dan menghemburkan beras kuning beserta wang syiling ke atas jemaah. Tetapi trend ini sudah tidak dipraktikkan lagi kerana lari dari akidah agama Islam.

# Kepulangan jemaah

## Haji detik menggembirakan dan mengharukan

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd Ali

Di antara akhlak mulia yang ada pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah sikap amat suka memberi kegembiraan kepada orang lain, termasuklah mendoakan orang.

Banyak hadis yang menceritakan tentang akhlak mulia Baginda dan salah satu daripadanya ialah mengenai kesukaan Baginda mendoakan orang yang baru selesai mengerjakan amal ibadah haji seperti yang penulis baca dalam newsletter 'Al-Hadaf' terbitan Jabatan Mufti Kerajaan.

Imam As-Suyuti dalam buku Al-Fatawanya merakamkan sebuah riwayat Ibnu As-Sunni dan At-Thabarani yang menceritakan tentang seorang sahabat yang bertemu dengan Baginda yang baru kembali daripada mengerjakan ibadah haji, lalu Baginda berkata yang maksudnya :

*"Semoga (Allah) menerima ibadah hajimu dan mengampunkan dosamu serta mengganti semula perbelanjaanmu."*

Apa yang telah dilakukan oleh Baginda ini telah dicontoh teladani oleh sahabat yang bernama Abdullah ibnu Umar, iaitu dengan mendoakan orang yang baru selesai mengerjakan haji sebagaimana yang diriwayatkan oleh Said bin Mansur dalam sunnahnya, bahawa apabila orang yang baru pulang daripada menunaikan haji bertemu dengan Abdullah bin Umar, dia akan berkata yang maksudnya :

"Wahai anak, semoga Allah menerima hajimu dan membesarkan ganjaran pahalamu dan menggantikan perbelanjaanmu."

Kesukaan Baginda mendoakan orang yang baru kembali menunaikan ibadah haji adalah sebagai tanda kecintaan terhadap orang Islam yang telah mendapat limpah kurnia daripada Allah dalam melaksanakan Rukun Islam dan pada masa yang sama orang berkenaan baru saja menjadi tetamu Allah Ta`ala : Dia juga dianggap sebagai orang yang baru dilahirkan tanpa dosa sekiranya hajinya itu mabrur. Orang seperti ini memang sudah selayaknya diberi kegembiraan dengan menyambut kepulangannya dengan sambutan yang boleh menggembirakannya sebagaimana yang dilakukan Baginda.

Di samping itu adalah sunat melakukan tiga perkara berikut : Mengucapkan salam kepada mereka; menjabat tangan mereka dan meminta agar mereka sudi berdoa meminta dosa-dosa kita diampunkan sebagaimana hadis berikut yang maksudnya :

"Apabila engkau menemui orang haji, ucapkanlah salam kepadanya dan jabatlah tangannya serta suruhlah dia berdoa supaya engkau diberi keampunan sebelum dia masuk ke dalam rumahnya, kerana sesungguhnya diberi keampunan baginya." (Kan al-Ummal, 5.4).

Amalan menziarahi Ka'abah untuk melakukan haji adalah satu daripada Rukun Islam Kelima yang diwajibkan sekali seumur hidup kepada umat Islam yang berkemampuan. Seorang Islam yang menyempurnakan ibadah haji seolah-seolah dia melengkapkan amalan agamanya.

Seperti dalam firman Allah dalam ayat 27 Surah Al Hajj yang tafsir-Nya : *"Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan menunggang (unta dan lain-lain) mereka itu akan datang dari segenap penjuru yang jauh."*

Manakala Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pula bersabda: *"Barang siapa yang naik haji sedangkan dia tiada berkata kotor atau berbuat jahat, dia akan keluar dari hajinya suci seperti keluarnya bayi di hari dilahirkan oleh ibunya."*

**JEMAAH**

Sejak tahun 1965 sehingga 2009, jumlah jemaah haji ialah lebih 60 ribu orang. Dari jumlah tersebut lebih 57 ribu orang jemaah yang menunaikan fardu haji yang menggunakan kapal terbang yang bermula sejak tahun 1965 hingga ke hari ini. Manakala 2,416 orang dicatatkan menunaikan fardu haji menggunakan kapal laut. Penggunaan kapal laut berjalan selama 20 tahun sehingga tahun 1974.

***" KESUKAAN Baginda mendoakan orang yang baru kembali menunaikan ibadah haji adalah sebagai tanda kecintaan terhadap orang Islam yang telah mendapat limpah kurnia daripada Allah dalam melaksanakan rukun Islam dan pada masa yang sama orang berkenaan baru saja menjadi tetamu Allah Ta`ala : Dia juga dianggap sebagai orang yang baru dilahirkan tanpa dosa sekiranya hajinya itu mabrur. Orang seperti ini memang sudah selayaknya diberi kegembiraan dengan menyambut kepulangannya dengan sambutan yang boleh menggembirakannya sebagaimana yang dilakukan Baginda."***



SEORANG jemaah haji juga turut mengongsikan kegembiraan setelah pulang ke tanah air dengan selamatnya.



AWANG Haji Halim bin Haji Sulaiman dan isteri turut merasa gembira setelah menunaikan fardu haji dan berpeluang bergambar bersama keluarga yang menyambut kepulangan mereka.

***" SEJAK tahun 1965 sehingga 2009, jumlah jemaah haji ialah lebih 60 ribu orang. Dari jumlah tersebut lebih 57 ribu orang jemaah yang menunaikan fardu haji yang menggunakan kapal terbang yang bermula sejak tahun 1965 hingga ke hari ini. Manakala 2,416 orang dicatatkan menunaikan fardu haji menggunakan kapal laut. Penggunaan kapal laut berjalan selama 20 tahun sehingga tahun 1974."***



SUASANA kesibukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan kepulangan para jemaah haji kita.

# Pegawai Pergigian Klinikal perlu lengkapkan kemahiran



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam ketika diberikan penerangan oleh seorang peserta pameran di Majlis Pelancaran Konvensyen FDI Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan Pameran Perdagangan Pergigian Ke-3 .- Foto : Masri Osman.

**Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman**

JERUDONG. - Seiring kemajuan teknologi pergigian yang semakin berkembang selain lebih banyak peralatan pergigian yang ada, Pegawai Pergigian Klinikal hendaklah melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan dan kemahiran terkini agar dapat dimanfaatkan.

Ini penting kerana mereka mempunyai satu tanggungjawab sebagai profesional bagi mengemaskinikan diri dalam sehari-hari (on a regular basis) sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran sepanjang hayat.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin menegaskan perkara itu di Majlis Pelancaran Konvensyen FDI Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan Pameran Perdagangan Pergigian Ke-3, berlangsung di Indera Kayangan Hall, Empire Hotel and Country Club di sini, baru-baru ini.

Dato Paduka berkata, ubat melegakan sakit saja tidak mencukupi bilamana permintaan meningkat terhadap rawatan komprehensif dalam perkhidmatan penjagaan mulut utama.

Justeru itu jelasnya, kita harus berusaha bagi mencapai mengekalkan jumlah pesakit minimum 20 batang gigi yang berfungsi dari premolar ke premolar sebagaimana yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Dato Paduka menjelaskan, selain memelihara fungsi, memelihara gigi juga akan membantu mengekalkan keindahan dan meningkatkan kesejahteraan emosi individu.

Menurutnya, selain diagnosis dan rawatan awal yang boleh membantu memelihara kesihatan mulut dan menghalang kanser mulut, karies gigi serta periodontium penyakit-penyakit, halangan awal juga dapat menolong mengurangkan kehilangan gigi pada pesakit-pesakit.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, komited dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi termasuk penjagaan kesihatan mulut.

Kementerian Kesihatan tambahnya akan menyokong semua program pendidikan yang berterusan yang mana akan meningkatkan kebolehan utama pegawai klinikal dan kakitangannya dalam memahami komitmen seperti yang telah ditetapkan dalam matlamat strategik Kementerian Kesihatan.

"Amat mengecewakan bila kesihatan mulut di kalangan masyarakat Negara Brunei Darussalam masih di tahap yang rendah jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain," ujar Dato Paduka.

Walau bagaimanapun jelasnya, usaha-usaha telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dengan mengungkayahkan beberapa program mempromosikan kesihatan mulut dan langkah-langkah pencegahan di kalangan masyarakat seperti air berfluorida dan latihan pemberusan gigi di sekolah-sekolah.

"Inisiatif-inisiatif ini diharap dapat menyediakan penyelesaian yang berpanjangan yang akhirnya akan menaikkan Negara Brunei Darussalam dari posisi masa ini kepada satu kedudukan yang lebih baik atau terbaik di rantau ini," jelas Dato Paduka dengan penuh harapan.

Di majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para penceramah, penyelaras bengkel dan para peserta pameran perdagangan pergigian.

Seminar tiga hari ini dihadiri oleh 250 peserta yang mewakili dari pelbagai agensi berkaitan dari dalam dan juga luar negara.

Seramai tujuh penceramah terkemuka yang didatangkan dari Amerika Syarikat, Hong Kong, Republik Singapura, Malaysia, Republik Indonesia, Thailand dan juga Negara Brunei Darussalam akan membentangkan kertas kerja dan mengongsikan pengetahuan masing-masing pada seminar tersebut.

Dalam masa yang sama, pameran perdagangan pergigian akan mempamerkan produk-produk pergigian yang inovatif dari agensi-agensi yang menyertai pameran tersebut.

***KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, komited dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi termasuk penjagaan kesihatan mulut.***

## Hubungan seksual punca utama jangkitan HIV AIDS

**Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar**

BANDAR SERI BEGAWAN. - Hubungan seksual terus menjadi punca utama jangkitan HIV AIDS di negara ini dengan kebanyakan kes adalah kaum lelaki dalam lingkungan usia 20 hingga 39 tahun.

Ini dinyatakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Mohd. Said ketika berucap di Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-17 Pasukan Petugas ASEAN mengenai AIDS.

Pengawasan HIV yang ditubuhkan sejak Ogos 1986 hingga Oktober tahun ini katanya mencatatkan sejumlah 56 kes yang telah dimaklumkan kepada Bahagian Pengawalan Penyakit.

Menurutnya HIV dan AIDS adalah penyakit yang boleh dikenal pasti di bawah Perintah Penyakit Jangkitan 2003 yang memerlukan semua pengamal perubatan untuk melaporkan kes di kawasan masing-masing di negara ini.

Di mesyuarat yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dr. Hajah Rahmah seterusnya menjelaskan bahawa penjagaan klinikal termasuk 'anti-retrovirals', sokongan dan kaunseling untuk warga dan penduduk yang HIV positif terus diberikan secara percuma, baru-baru ini.

Epidemik AIDS katanya telah wujud lebih dua dekad lalu dan pengalaman dalam menanganinya sepanjang tempoh ini telah memberikan banyak pengajaran dan maklumat yang berharga.

HIV AIDS merupakan satu penyakit rumit yang boleh menjangkiti semua peringkat usia, sangat berkait dengan kelakuan seksual dan persekitaran sosioekonomi, yang mana sehingga kini penawar atau vaksin pencegahan yang berkesan masih belum ditemui.

Cabaran dalam menangani penyakit ini tegasnya memerlukan integrasi banyak sektor dan bukan hanya sekadar menangani mereka yang dijangkiti bahkan juga penjaga dan tanggunggan mereka.

Pada masa ini, pencegahan HIV dan AIDS memerlukan langkah-langkah bagi menangani yang bukan sahaja memberi kesedaran dan pengetahuan mengenai penyakit ini tetapi turut menggalakkan individu untuk mengamalkan pengetahuan di tengah cabaran dan situasi yang mengancam.

Laporan terkini UNAIDS menunjukkan di beberapa negara di Asia, Latin Amerika dan Sahara Afrika Kecil, jumlah tahunan jangkitan HIV telah menurun selain penurunan dalam anggaran kematian AIDS yang sebahagiannya adalah ekoran dari perolehan meluas dadah 'anti-retrovirals' dalam sumber terhad.

Dalam menangani cabaran perubahan landskap sosial, usaha dalam meningkatkan kesedaran HIV AIDS bersama-sama STIs sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama sektor bukan kesihatan seperti Majlis AIDS Brunei dan Bank Standard Chartered.

Pendekatan kesedaran mengambil kira kepekaan agama dan sensitiviti budaya yang memfokuskan kepada kesihatan yang merangkumi tingkah laku yang selamat, gaya hidup yang sihat, perlindungan nilai keluarga, kesihatan sebagai tanggungjawab dan isu khusus meliputi pengujian, rawatan, diskriminasi dan stigma berkaitan HIV AIDS.

Sebanyak sebelas agenda termasuk laporan mengenai pelaksanaan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan ASEAN serta lain-lain perkara yang berbangkit dibincangkan di mesyuarat tiga hari itu.



PEGAWAI Perubatan Kesihatan Temburong, Dr. Win Nai Ng, selaku Pengerusi bersama Majlis Jerayawara Kesedaran Kanser Serviks Bagi Daerah Temburong.

## Kes kanser Serviks didapati meningkat

**Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain**

TEMBURONG, Khamis, 26 November. - Kanser serviks (kanser pangkal rahim) merupakan salah satu ancaman kesihatan kepada golongan wanita hari ini dan di Negara Brunei Darussalam. Kes kanser serviks didapati meningkat sejak pendaftaran kanser kebangsaan bermula pada tahun 2002.

Pada tahun tersebut, hanya 14 kes dicatatkan dan jumlah ini telah meningkat kepada 24 kes pada tahun 2006, menjadikannya kanser kedua paling lumrah dihidapi di kalangan wanita di negara ini.

Perkara ini ditegaskan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan Temburong, Dr. Win Nai Ng, semasa berucap selaku Pengerusi Bersama Majlis Jerayawara Kesedaran Kanser Serviks Bagi Daerah Temburong.

Beliau menambah, kanser serviks yang berpunca daripada 'Human Papilloma Virus (HPV)' boleh dicegah, dirawat dan diubati.

Menurutnya, cara terbaik bagi mencegah kanser ini dari terjadi ialah dengan melakukan ujian 'Pap Smear (PS)' sekali dalam tiga tahun.

Ujian ini katanya, mampu mengesan sebarang perubahan awal yang tidak normal yang berlaku pada serviks seorang wanita.

Bagaimanapun, pada tahun 2006 daripada 24 kes yang dikesan, majoriti kes kanser serviks sudah dikesan berada di tahap kedua kanser tersebut dan ada yang sudah berada di tahap yang lebih tinggi, manakala lebih 50 peratus daripada wanita yang terlibat sudah lama tidak melakukan ujian PS.

Justeru menurut Dr. Win lagi, ujian PS itu adalah kaedah yang sangat penting bagi mengesan dan seterusnya mencegah penyakit ini dari bertambah parah.

Jelasnya, antara alasan yang sering diberikan kenapa tidak ramai wanita mahu melakukan ujian PS ialah kurangnya pendedahan dan pengetahuan mengenai kanser serviks, merasa malu untuk melakukan ujian PS serta anggapan bahawa ujian PS adalah satu proses yang menyakitkan dan jijik.

Pada majlis itu ceramah bertajuk 'Kanser Serviks' disampaikan oleh Jururawat Kanan di Klinik Kesihatan Bangar, Dayang Norsiah binti Ismail.

Jerayawara Kesedaran Kanser Serviks Bagi Daerah Temburong yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Daerah Temburong dengan kerjasama Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam Temburong itu bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat khususnya kaum wanita mengenai Kanser Serviks serta membarigakan mengenai kepentingan melakukan ujian sekali dalam tiga tahun bagi mengesan tanda tanda awal berlakunya penyakit ini.

# Lakukan ujian Pap Smear

**Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

KUALA BELAIT, Sabtu, 21 November. - Kanser serviks (kanser pangkal rahim) merupakan kanser kedua yang paling lumrah di kalangan wanita di seluruh dunia selepas kanser payudara dan boleh menyerang wanita tanpa mengira usia.

Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan Kuala Belait, Dr. Hajah Budi Rusitawati binti Haji Budi Ismardi menyatakan, kira-kira 500 ribu kes kanser serviks dilaporkan setiap tahun di seluruh dunia dan 80 peratus daripadanya di kesan di negara-negara yang sedang membangun.

Negara Brunei Darussalam katanya, juga mengalami situasi yang sama.

Kes kanser serviks meningkat sejak pendaftaran kanser kebangsaan dimulakan pada tahun 2002 (tahun 2006 mencatatkan 24 kes) berbanding hanya 16 kes pada tahun 2003.

Beliau menyatakan perkara tersebut semasa berucap di Majlis Pelancaran Jerayawara Bulan Kesedaran Kanser Serviks yang diadakan selama dua hari bermula hari ini bertempat di ruang legar Pasaraya Soon Lee Kampung Pandan, di sini baru-baru ini.

Majlis dirasmikan oleh isteri Penolong Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah Fauziah binti Haji Mohammad Hassan.

Menurut Dr. Hajah Budi, majoriti kes kanser serviks di negara ini dikesan setelah tahap kanser berada pada peringkat yang teruk iaitu pada peringkat dua ke atas dan lebih daripada 50 peratus kes yang dikesan pada tahun 2006 berlaku di kalangan wanita yang tidak pernah langsung atau gagal mendapatkan pemeriksaan ujian Pap Smear adalah satu kaedah untuk mengesan kanser serviks).

Sehubungan itu, beliau menasihatkan kaum wanita supaya menjalani ujian saringan secara berkala bagi memastikan mereka benar-benar bebas daripada kanser tersebut.

Beliau menambah, beberapa kajian telah menunjukkan bahawa ujian saringan PS dapat menurunkan kes kematian daripada penyakit tersebut.

"Melakukan ujian secara PS berkala sekurang-kurangnya setiap tiga tahun sekali dapat mencegah kanser serviks, di mana pengesanan dalam peringkat 'pre kanser' iaitu satu peringkat di mana sel-sel yang tidak normal yang belum menjadi sel-sel kanser dapat dikesan dan seterusnya dirawat," terang beliau.

Oleh itu, beliau menyeru agar setiap wanita yang telah melakukan hubungan seksual agar menjalani ujian PS mengikut perjanjian yang telah ditetapkan dan bagi wanita yang berumur 38 tahun ke atas, beliau menggesa mereka supaya mendaftar di Klinik Kesihatan Wanita yang ada di pusat-pusat kesihatan yang berdekatan sementara yang berumur 38 tahun ke bawah pula digalakkan supaya menjalani pemeriksaan ujian PS di bahagian pesakit luar di pusat-pusat kesihatan.

Kanser serviks memakan masa 10 ke 20 tahun untuk berkembang dan biasanya tidak menunjukkan tanda-tanda sehingga mencapai peringkat yang teruk.

Bagaimanapun kanser serviks yang teruk akan menunjukkan beberapa tanda seperti pendarahan yang luar biasa dari faraj, pendarahan berlaku di antara pusingan haid, pendarahan selepas melakukan hubungan seksual, sakit semasa melakukan hubungan seksual dan lelehan faraj yang berbau.

Wanita yang berisiko tinggi menghadapi kanser serviks antaranya terdiri dari mereka yang sudah menjalin hubungan kelamin terutamanya yang mula menjalin hubungan kelamin pada peringkat umur yang awal atau mempunyai lebih dari se orang pasangan, merokok, pernah mengalami jangkitan penyakit seksual terutamanya jangkitan 'Human Papilloma Virus (HPV)' dan yang mengamalkan penggunaan pil penjarakkan kehamilan lebih dari sepuluh tahun.

Jerayawara tersebut merupakan susulan dari Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Kanser Serviks 2009 yang dirasmikan oleh Menteri Kesihatan pada 3 November lalu.

Acara yang sama juga telah dilaksanakan di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Jerayawara dan pameran tersebut diadakan untuk memberi penerangan berkenaan kanser serviks selain menyebarkan pengetahuan bahawa kanser serviks dapat dikesan pada peringkat awal.

Majlis tersebut juga diselajurkan dengan promosi klinik kesihatan wanita yang telah diperkenalkan sejak beberapa tahun lalu.

# Khatam Al-Qur'an Sekolah IQRA



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Abdul Haris ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar cemerlang yang berlangsung di Sekolah Membaca Al-Qur'an IQRA, Kampung Manggis. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid.

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 November. - Sekolah Membaca Al-Qur'an IQRA telah menerima lebih 24 ribu pelajar sejak sekolah tersebut ditubuhkan.

Dari jumlah tersebut, lebih dua ribu orang pelajarnya telah berjaya menamatkan pengajian dan menerima sijil tertinggi mereka.

Pada ketika ini, sekolah tersebut kini mempunyai lebih 1,200 orang pelajar dari tujuh buah cawangan di seluruh negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Yang Dipertua IQRA, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit di Majlis Khatam Al-Qur'an Bagi Pelajar-pelajar Al-Qur'an Dewasa dan Remaja Sekolah Membaca Al-Qur'an IQRA yang diselajurkan dengan Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang Al-Qur'an IQRA dan Anugerah Khidmat Bakti IQRA, berlangsung di Sekolah Membaca Al-Qur'an IQRA di Kampung Manggis, disini.

Di majlis tersebut seramai empat orang telah menerima Anugerah Cemerlang Al-Qur'an IQRA dan lima orang menerima Anugerah Khidmat Bakti IQRA.

Hadir menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabudin.

Sementara majlis khatam adalah bagi 24 orang pelajar dewasa perempuan, 37 orang remaja lelaki dan 34 orang remaja perempuan.

Majlis khatam bermula dengan pembacaan ayat-ayat lazim dari peserta-peserta khatam dan disudahi dengan bacaan takhtim dan bacaan doa khatam Al-Qur'an.

Majlis berakhir dengan diserikan persembahan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada para peserta khatam.

# Manfaatkan Kelas Bimbingan Mualaf yang disediakan

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

BANDAR SERI BEGAWA. - Saudara-saudara baru di negara ini diseru supaya merebut peluang yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan memanfaatkan Kelas-kelas Bimbingan Mualaf yang telah disediakan di setiap daerah supaya bimbingan-bimbingan yang dijalankan dapat diberikan secara 'meratai' kepada seluruh saudara baru di negara ini.

Seruan dibuat oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an, Menghafaz Ayat-ayat Lazim dan Lagu-lagu Dakwah Bagi Saudara-saudara Baru Ke 29, berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie ,baru-baru ini.

Semua saudara baru katanya, akan boleh membaca Al-Qur'an dengan baik dan dapat menghayati ajaran yang terkandung di dalamnya serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Peranan saudara-saudara baru dalam meningkatkan penghayatan agama Islam di negara ini tambahnya, tidak ada bezanya dengan peranan orang-orang Islam yang lain, bahkan peranan mereka sangat penting dalam menyebarkan dakwah islamiah khususnya kepada ahli keluarga yang belum memeluk agama Islam.

Pada pertandingan itu, Awang Mohd. Mokhsin bin Mohd. Karim muncul sebagai juara bahagian qari, manakala Dayang Hajah Noraini binti Abdullah menjuarai bahagian qariah.

Dalam menghafaz ayat-ayat lazim bahagian lelaki dimenangi oleh Awang Firman Sucinda bin Salleh Dicky, sementara bahagian wanita dimenangi oleh Dayang Noraniza Izzah binti Muhammad Ismail dan peraduan lagu-lagu dakwah dimenangi oleh Kumpulan Nur Islam 11 (PESATU).

Hadiah-hadiah pertandingan dan hadiah Peraduan Seni Khat Jawi Bagi Saudara-saudara Baru tahun 1430H/2009M iaitu Projek Tahunan Bahagian Kajian dan Penerbitan PDI disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Pengiran Haji Bahar.

> *"SAUDARA-SAUDARA baru di negara ini diseru supaya merebut peluang yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan memanfaatkan kelas-kelas Bimbingan Mualaf yang telah disediakan di setiap daerah supaya bimbingan-bimbingan yang dijalankan dapat diberikan secara 'meratai' kepada seluruh saudara baru di negara ini."*
>
> **Timbalan Setiausaha Tetap KHEU**



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Bahrom menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang pada Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an, Menghafaz Ayat-ayat Lazim dan Lagu-lagu Dakwah Bagi Saudara-saudara Baru Ke-29, berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah, Kampung Pulaie. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Pertandingan seumpamanya bertujuan sebagai wadah membimbing dan mengasuh bakat saudara-saudara baru ke arah melahirkan pembaca-pembaca Al-Qur'an yang lebih sempurna, di samping sebagai penggalak kepada mereka untuk bergiat aktif mempelajari Al-Qur'an serta menggalakkan mereka ikut serta dalam aktiviti-aktiviti yang bercorak dakwah.

Melalui pertandingan seumpamanya diharap akan dapat melahirkan penghafaz ayat-ayat lazim yang berpotensi dan cemerlang di kalangan saudara-saudara baru di negara ini.

Peraduan bertemakan 'Kedewasaan Bernegara Dengan Zikir' ini merupakan aktiviti tahunan PDI dengan dikendalikan Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara-saudara Baru, Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Mualaf.

# Pemenang peraduan azan senegara terima hadiah



HAKIM Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Md. Zaimi semasa hadir di Peraduan Azan Peringkat Akhir Bagi Murid-murid Kelas Muqaddam dan Al-Qur'an Masjid-masjid, Surau-surau dan Balai-balai Ibadat Senegara Tahun 1430H / 2009M, berlangsung di Dewan Serbaguna Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

> ***SERAMAI 23 peserta menyertai peraduan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-63 Tahun yang dianjurkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid.***

**Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar**
**Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid**

BANDAR SERI BEGAWAN. - Awang Mohd. Fahmi Izzuddin bin Mudim Awang Haji Tamin, Awang Masrur Fuad bin Haji Asmat dan Awang Muhammad Afif Rusydi bin Haji Muhd. Kartolo masing-masing menjuarai kategori yang berasingan di Peraduan Azan Peringkat Akhir Bagi Murid-murid Kelas Muqaddam dan Al-Qur'an Masjid-masjid, Surau-surau dan Balai-balai Ibadat Senegara Tahun 1430 Hijriah/ 2009 Masihi.

Awang Mohd. Fahmi Izzuddin yang mewakili Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah menjuarai Kategori 'A' bagi penyertaan umur tujuh hingga lapan tahun, sementara itu Awang Masrur Fuad yang mewakili Masjid Kampung Masin pula muncul johan dalam Kategori 'B' bagi yang berumur sembilan hingga sepuluh tahun.

Manakala peserta yang mewakili Masjid Kampung Keriam, Tutong, Awang Muhammad Afif Rusydi pula terpilih menjuarai Kategori 'C' bagi yang berumur sebelas hingga 12 tahun dalam peraduan yang berlangsung di Dewan Serbaguna Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, baru-baru ini.

Seramai 23 peserta menyertai peraduan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-63 Tahun yang dianjurkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Md. Zaimi bin Haji Talip.

Pemangku Pegawai Ugama Kanan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, melalui peraduan azan ini ianya dihasratkan dapat menyemai bakat setiap peserta, selain berani untuk berhadapan dengan orang ramai, di samping dakwah kepada kanak-kanak untuk mencintai azan.



SEORANG peserta semasa mengumandangkan azan di peraduan berkenaan.

# Pastikan idea penulisan disampaikan dengan baik

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

RIMBA, Isnin, 23 November. - Para penulis disarankan supaya memastikan segala idea dan pemikiran yang hendak disampaikan melalui penulisan, ditulis dengan baik, mudah difahami, dinilai, diolah dan seterusnya dipertimbangkan kesesuaiannya sebagai suatu bahan pencetus pemikiran yang berguna ke arah menjana perkembangan dan pembaikan dalam mewujudkan budaya kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam.

Berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Esei anjuran Institut Perkhidmatan Awam (IPA) 2009, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Sa Bali bin Abas menekankan supaya bahan-bahan atau isu-isu yang diketengahkan tidak boleh dihasilkan secara sambil lewa oleh para penulis.

"Hasil penulisan perlulah berasaskan kajian atau penyelidikan yang meliputi 'consideration' terhadap aspek-aspek dasar, peraturan, pengurusan dan perkara-perkara teknikal yang mampu dijadikan sebagai agenda perbincangan arah tuju serta boleh dijadikan penanda aras kepada perancangan yang telah, sedang dan bakal dilakukan dalam organisasi," tegasnya di majlis yang berlangsung di Dewan Penglibatan IPA, di sini.

Menurutnya, para penulis juga perlu bersifat 'specific' dalam penulisan masing-masing kerana dengan cara ini, segala pemikiran yang ingin disampaikan akan lebih mudah diterima dan seterusnya menjadi katalis bagi mempertingkatkan produktiviti kerja dalam Perkhidmatan Awam.

"Dalam pada itu, kajian dan penyelidikan yang sempurna akan menghasilkan penemuan-penemuan yang lebih baik dan menyeluruh," ujarnya.

Justeru itu, penyebaran dan penemuan penyelidikan dan kajian katanya, perlu disalurkan melalui cara tertentu seperti penerbitan dan jurnal, kertas kerja seminar dan seumpamanya.

Sebanyak 39 buah esei dari 38 orang penulis telah menyertai Peraduan Menulis Esei pada tahun ini yang menunjukkan peningkatan berbanding dengan hanya sebanyak 23 buah esei di peraduan yang sama pada tahun 2008.

Hadiah-hadiah Peraduan Menulis Esei IPA ini disampaikan oleh tetamu kehormat.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Sa Bali bin Abas bergambar ramai bersama para pemenang dan peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan Menulis Esei anjuran Institut Perkhidmatan Awam 2009. - Foto : Hernie Suliana Haj.i Othman.

Tempat pertama disandang oleh Dayang Siti Rozidah binti Jalani yang menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,200 diikuti dengan pemenang kedua, Awang Othman bin Haji Mat Don dengan menerima wang tunai sejumlah BND1,000. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Haji Mohd. Arripin bin Haji Hidup dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND800.

Peraduan ini merupakan satu kaedah latihan untuk melahirkan penulis-penulis yang berbakat serta berwibawa dalam bidang kepakaran masing-masing selaras dengan usaha IPA untuk melatih dan membangun sumber tenaga perkhidmatan awam melalui latihan.

Setiap esei yang menang akan dijadikan jurnal institut berkenaan dan diterbitkan setiap enam bulan.

# Editor perlu peka terhadap tugas, penulisan

Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 November. – Seorang editor atau penyunting perlu peka terhadap tugas dan tanggungjawabnya selain harus mempunyai ilmu dalam bidang penulisan yang menjadi satu kemestian.



SEBAHAGIAN peserta yang mengikuti Bengkel Penulisan Umum di Dewan Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Ke arah itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai momentum kepada para penulis tanah air tidak kendur-kendur melaksanakan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan bidang penulisan.

Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin menyatakan demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel Penulisan Umum di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas.

Beliau menjelaskan, sesuai dengan peranan kewujudan DBP untuk menyebarluaskan dan memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, maka penerbitan adalah salah satu medium untuk melaksanakan tugas besar ini.

Dengan adanya bengkel ini tambahnya, akan dapat mempertingkatkan nilai-nilai penulis yang sedia ada ketika ini bahkan juga bagi para penulis yang mula berjinak-jinak dalam bidang ini.

"Bidang penulisan bukanlah sesuatu yang baru bagi abiskita, tetapi apa yang kita mahukan adalah karya yang mempunyai nilai yang tinggi iaitu karya yang kreatif, yang mampu menarik perhatian pembaca malah bersifat ilmiah," ujarnya lagi.

Lebih dari 50 peserta yang mewakili jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyertai bengkel selama empat hari dari 16 hingga 19 November ini.

Bengkel anjuran DBP itu dikendalikan oleh seorang konsultan bimbingan penulisan jemputan daripada Malaysia, Encik Fauzul Na'im Ishak yang juga selalaku fasilitator bengkel tersebut.

Tujuan bengkel antara lain bagi memberi pendedahan mengenai teknik penulisan terutama kepada peserta yang masih baru



***"BIDANG penulisan bukanlah sesuatu yang baru bagi abiskita, tetapi apa yang kita mahukan adalah karya yang mempunyai nilai yang tinggi iaitu karya yang mempunyai nilai yang tinggi iaitu karya yang kreatif yang mampu menarik perhatian pembaca malah bersifat ilmiah."***

**- Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah**

dalam bidang penulisan umum selain menjana idea bermula dengan idea kecil untuk dikembangkan dan diolah menjadi sebuah wacana.

Di samping itu, ia juga untuk menggilap bakat penulisan di kalangan peserta supaya dapat mendalami teknik dan disiplin atau ilmu penulisan serta mendapatkan ilmu penulisan yang muktahir.

DBP merupakan sebuah istitusi yang terbesar bagi penerbitan buku di negara ini, di mana setiap tahun DBP menerbitkan hampir 100 tajuk buku termasuk Majalah Mekar, Juara Pelajar dan Bahana, di samping menerbitkan empat tajuk Jurnal.

# Bekas anggota ABDB dialu-alukan sertai Kursus Memandu HGV Kelas V

BANDAR SERI BEGAWAN. - Bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) adalah dialu-alukan untuk menyertai Kursus Memandu HGV Kelas V (5) (khusus untuk mereka) yang dijangka akan diadakan selama empat minggu bermula pada 8 hingga 29 Januari 2010.

Kursus ini akan dikendalikan oleh Unit Hal Ehwal Bekas Parajurit Pertahanan di Cawangan Latihan Memandu, Sekolah Infantri Institut Latihan Penanjong Garison.

Bagi bekas parajurit yang berminat untuk menyertai kursus tersebut mereka hendaklah mempunyai lesen memandu Kelas 3.

Untuk keterangan lebih lanjut mengenai kursus berkenaan boleh menghubungi Pegawai Hal Ehwal Bekas Parajurit, Mejar (B) Rasiman bin Haji Karna melalui talian 2384403 atau 2381178.

# Pegawai KHEU sertai Kursus Induksi

Berita dan Foto :
Ak. Haji Mohd. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seramai 42 pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang berkhidmat satu hingga tiga tahun dari kumpulan dua telah menyertai Kursus Induksi di kementerian berkenaan baru-baru ini.

Kursus tersebut bertujuan bagi membentuk suasana kerja yang baik dengan orang luar serta menerapkan nilai-nilai murni yang harus ditanam dalam jiwa setiap pegawai dengan harapan supaya mereka dapat membentuk sikap yang positif agar dapat bekerja secara lebih cekap dan efisien.

Antara kandungan kursus adalah taklimat dari jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian KHEU, taklimat dari Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Universiti Brunei Darussalam dan Institut Perkhidmatan Awam.

Menurut Ketua Bahagian Sumber Manusia, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menyatakan, Kursus Induksi itu adalah salah satu program yang diungkayahkan oleh Bahagian Sumber Manusia, KHEU dengan tujuan bagi membekalkan pegawai dan pengetahuan asas yang penting mengenai KHEU dan jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawahnya bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan berkesan.

Kursus Induksi ini merupakan kursus fasa kedua selepas fasa pertama yang dilaksanakan pada bulan Mei 2009 lalu. Kursus ini berjalan selama lapan hari bermula 19 hingga 26 November 2009.



KETUA Bahagian Sumber Manusia, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa menyerahkan sijil penghargaan kepada seorang pegawai yang menyertai Kursus Induksi.

... KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA TAHUN 1430 HIJRIAH ...

# Berazamlah agar kehidupan tetap diredai Allah

***Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.***

MARILAH kita sama-sam meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa serta penuh dengan keyakinan dan keikhlasan dalam melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di Akhirat.

Masa berlalu begitu cepat di mana Hari Raya Aidiladha tahun 1429 Hijriah baru saja berlalu, kini kita menyambut dan merayakan lagi Hari Raya Aidiladha tahun 1430 Hijriah.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana berkesempatan lagi merayakan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini. Ini bererti umur kita telah dipanjangkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dari Aidiladha tahun lepas membawa ke tahun ini. Dalam masa setahun itu tentu sahaja suka duka sama ada selaku orang perseorang atau individu dalam rumah tangga dan keluarga, mahupun selaku anggota masyarakat dan bangsa.

Kita akur dan sedar bahawa semuanya adalah kehendak Allah Subhanahu Wata'ala dan hendaklah kita menerimanya dengan bersyukur dan insaf. Syukur jika mendapat nikmat dan insaf jika ditimpa musibah. Nikmat Allah Subhanahu Wata'ala hendaklah disyukuri dan jangan sekali-kali dikufuri. Jika kita mensyukurinya ianya akan berganda membawa bahagia. Sebaliknya jika kita mengkufurinya iaitu tidak menerimanya dan mempergunakannya dengan baik lagi sempurna, ianya bukan sahaja akan hilang bahkan membawa azab dan derita. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 7, tasir-Nya :

### KHUTBAH PERTAMA

*"Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu : Demi Sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya akan Aku tambahi nikmat-Ku kepada kamu, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."*

Begitu juga apabila ditimpa perkara yang malang dan menyedihkan, ianya hendaklah diterima dengan penuh keinsafan, kesabaran dan ketabahan. Segalanya itu adalah ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Baqarah ayat 156, tafsir-Nya :

*"Orang-orang yang sabar itu ialah mereka yang apabila ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata : Sesungguhnya kami adala kepunyaan Allah dan kepada Allah jua kami kembali."*

***Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.***

Hari Raya Aidiladha sememangnya dikaitkan dengan Ibadat Haji dan Ibadat Korban. Ibadat Haji adalah ibadat yang melambangkan perpaduan umat Islam di seluruh dunia sebagai umat Islam yang mentauhidkan Allah Subhanahu Wata'ala dan ajaran yang dibawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sementara Ibadat Korban pula ialah pernyataan yang lahir daripada keimanan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi memperolehi keredaan serta keampunan-Nya.

Aspek yang terpenting berhubung dengan Ibadat Haji dan Korban itu kedua-duanya adalah ibadat yang berasal daripada syariat Nabi Ibrahim Alaihissalam. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Hajj ayat 26, tafsir-Nya :

*"Dan ingatlah peristiwa ketika Kami tentukan bagi Nabi Ibrahim tempat Kaabah untuk membinanya, lalu Kami berfirman kepada-Nya : "Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun dengan-Ku dan bersihkanlah rumah-Ku (Kaabah ini) bagi orang-orang yang bertawaf dan orang-orang yang berdiri dan yang rukuk serta yang sujud mengerjakan sembahyang."*

Ayat tersebut mengajak kita mengingati peristiwa bersejarah ketika Allah menentukan tempat bagi Nabi Ibrahim Alaihissalam untuk membina Kaabah. Dalam masa yang sama Nabi Ibrahim diperintahkan untuk memastikan Kaabah itu suci dari syirik. Tidak membenarkannya dijadikan tempat suci yang dikosongkan dengan fahaman agama yang syirik.

> ***" IBADAT korban pula ialah pernyataan yang lahir daripada keimanan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi memperolehi keredaan serta keampunan-Nya."***

Kemudian ayat tersebut disusuli dengan ayat 27 yang memerintahkan Nabi Ibrahim Alaihissalam supaya menyuruh manusia untuk mengerjakan Ibadat Haji. Friman Allah Subhanahu Wata'ala, tafsir-Nya :

*"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan Ibadat Haji, nescaya mereka akan datang kepadamu (mendatangi Kaabah rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menaiki berbagai-bagai kenderaan yang datangnya menerusi beberapa jalan dan ceruk rantau pelusuk yang jauh."*

Demikianlah saudara-saudara, dalam suasana kita merayakan Aidiladha ini, kita memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya dilanjutkan usia dalam iman dan amal soleh. Semoga dengan itu kita dapat mensyukuri nikmat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala serta menginsafi, menempuhi dengan tabah dan sabar terhadap musibah yang menimpa. Apa yang penting kita berazam supaya tetap berada dalam batas-batas kehidupan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Sura Al Baqarah ayat 132, tafsir-Nya :

*"Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya dan demikian juga Nabi Ya'akub (berwasiat kepada anakanaknya) katanya : Wahai anak-anakku sesungguhnya telah memilih agama Islam ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam."*

# Agihkan daging korban kepada yang berhak

***Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.***

PADA hari ini, umat Islam yang berkemampuan dan berhajat untuk melakukan Ibadat Korban akan menyembelih binatang korban sebagai tanda syukur dan cinta terhadap Allah Subhanahu Wata'ala kerana agama Islam telah mensyariatkan Ibadat Korban ini sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ibadat Korban merupakan antara amalan yang amat disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda sentiasa menggalakkan sahabat-sahabatnya melakukan ibadat korban. Ini adalah memandangkan ibadat korban itu mempunyai banyak hikmat dan kelebihan-kelebihan. Oleh yang demikian sebagai umat Islam yang mampu seharusnya mengambil iktibar terhadap galakkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada sahabat-sahabat Baginda untuk berbuat demikian.

Korban dari segi bahasa bererti dekat dan dari segi istilah syarak pula bererti mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan jalan menyembelih binatang dengan niat yang tertentu dan dalam waktu yang tertentu pula. Waktu menyembelih korban ialah selepas naik matahari pada Hari Raya Adha sekadar berlalu sembahyang dua rakaat dan dua khutbah. Masa korban itu berkekalan sehingga terbenam matahari akhir Hari Tasyrik iaitu hari ke-13 Zulhijah. Jika Ibadat korban dilakukan sebelum dan selepas waktu tersebut, maka tidaklah dikira ibadat korban, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya :

*"Dari Al Baraaie' bin A'ziib dia berkata : Telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : Bahawa yang mula-mula Kami lakukan pada hari ini (Hari Raya Adha), kami sembahyang, kemudian kami balik ke rumah, selepas itu kami menyembelih korban, maka siapa yang membuat seperti yang demikian, maka dia memperolehi sunah (ibadat) kami dan siapa yang menyembelih sebelum sembahyang, maka yang demikian itu hanyalah daging biasa yang dibahagi-bahagikan kepada keluarganya, bukanlah yang demikian itu termasuk dalam Ibadat Korban."* (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Menurut Mazhab Al-Imam Asy-Syafie', hukum Ibadat Korban ialah Sunat Mu'akadah dan binatang-binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah terdiri daripada unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri dengan syarat binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah selamat daripada aib yakni kecacatan mengikut Hukum Syarak.

Ibadat Korban terbahagi kepada dua : Korban Nazar dan Korban Sunat. Menurut Hukum Syarak daging Korban Nazar wajib disedekahkan keseluruhannya. Sementara daging Korban Sunat dilakukan seperti berikut :

**Pertama :** Kesemua daging korban tersebut disedekahkan kepada fakir dan miskin dan bagi orang yang berkorban bolehlah mengambil sedikit sekadar beberapa suap untuk mengambil berkat dari korban tersebut.

**Kedua :** Daging korban tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu satu pertiga disedekahkan kepada fakir miskin, satu per tiga dihadiahkan kepada umat Islam dan satu per tiga untuk orang yang berkorban.

***Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.***

Sesungguhnya amalan Ibadat Korban itu mengandungi banyak hikmat dan fadilat, antaranya :

### KHUTBAH KEDUA

**Pertama :** Untuk diambil iktibar dan pengajaran terhadap ketaatan Nabi Ibrahim Alaihissalam dalam menjunjung perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang memerintahkannya untuk menyembelih puteranya Nabi Ismail Alaihissalam sebagai korban. Akan tetapi Allah Subhanahu Wata'ala Maha Pengasih lagi Maha Penyayang telah menggantikannya dengan seekor kibas, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ash Shaaffat ayat 102, tafsir-Nya :

*"Maka tatkala anaknya itu supaya ke peringkat umur yang membolehkan dia berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata : Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu : Maka fikirkanlah apa pendapatmu? Anaknya menjawab : Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu : Insya-Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar."*

Dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

*"Daripada Za'id bin 'Arqam Radiallahuanhu dia berkata : Para sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya : Wahai Rasulullah, apakah yang ada pada korban itu? Jawab Rasulullah : Ia adalah sunah bapa kamu, Ibrahim. Mereka bertanya : Apa yang kami perolehi daripadanya wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab : Bagi setiap helai rambut ada kebajikannya, mereka bertanya lagi : Bagaimana pula dengan bulunya wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab : Bagi setiap helai bulu ada kebajikannya."* (Riwayat Al-Imam Ibnu Maajah).

**Kedua :** Memupuk sikap pemedulian dan keprihatinan terhadap masyarakat iaitu dengan mengagihkan daging-daging korban kepada yang berhak menerimanya sebagai makanan dan meluaskan rezeki khususnya kepada para fakir miskin sempena Hari Raya Korban.

**Ketiga :** Melahirkan tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat hidup yang telah diberikan-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Hajj ayat 34, tafsir-Nya :

> ***"MENURUT Mazhab Al-Imam Asy-Syafie', hukum Ibadat Korban ialah Sunat Mu'akadah dan binatang-binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah terdiri daripada unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri dengan syarat binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah selamat daripada aib yakni kecacatan mengikut Hukum Syarak."***

*"Dan bagi tiap-tiap umat telah Kami syariatkan penyembelihan korban supaya merka menyebut nama Allah sebagai bersyukur terhadap binatang ternak yang telah direzekikan Allah kepada mereka."*

**Keempat :** Menyemai dan menanamkan sifat murni ke dalam diri dengan mencontohi kesabaran dan ketabahan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihimassalam dan sifat mereka yang mengutamakan ketaatan dan rasa cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

***Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.***

Keutamaan Ibadat Korban banyak diceritakan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di antaranya ialah sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya :

*"Dari 'Aisyah Radiallahuanha bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tiada sesuatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada Hari Raya Haji yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dari menumpahkan darah. Bahwasanya ia (korban itu) datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya dan bulu-bulunya dan kukunya dan bahwasanya darah korabn itu mendapat tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sebelum darah itu tumpah ke bumi, oleh kerana itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang bersih."* (Riwayat Al-Imam At-Tirmizi).

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita di Negara Brunei Darussalam telah sedar dan peka akan kelebihan Ibadat Korban di mana setiap kali kedatangan Hari Raya Adha, amalan korban diadakan di sana sini seperti di masjid-masjid, di sektor-sektor awam dan swasta dan tidak kurang juga mengadakan Ibadat Korban secara persendirian di rumah masing-masing.

Dengan adanya Ibadat Korban, jelas membuktikan wujudnya suasana kerjasama dan bantu-membantu di antara semua pihak. Di samping kita mengharapkan Ibadat Korban kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala maka dalam keghairahan kita melakukan amalan berkorban itu perlu juga diingat supaya anggota-anggota binatang korban yang tidak berguna dan tidak diperlukan seperti tulang, perut dan sebagainya hendaklah disempurnakan dengan cara menanamnya. Manakala di tempat majlis korban diadakan pula jika terdapat sisa-sisa dan darah binatang korban yang masih ada, hendaklah dibersihkan bagi mengelakkan bau busuk dan didatangani oleh binatang-binatang.

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa semoga setiap amal kebajikan yang kita lakukan termasuklah amalan korban kita akan diterima dan mendapat ganjaran pahala yang besar dari Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.




# PELANGI PETANG

Oleh:
Maya Brunei

APA pun yang dinamakan kemanusiaan apa lagi kepahitan sepanjang perjalanan hidup, memang sukar untuk dilupakan di saat-saat kesunyiaan melanda bagi warga emas, mahu atau tidak wajib dikunyah dan ditelan sebagai suatu juadah yang tidak dapat dilupakan dan setentunya akan ditinta emas dalam memori nostalgia sepanjang hayat.

Bagi Suhib memang sudah tersurat jodohnya ada pada Hasnah walaupun bukan cinta pertama mereka. Mereka telah menjadi warga emas dan hidup bahagia yang cuma membilang-bilang waktu bila-bila saja akan menjadi penghuni di alam yang abadi.

Curahan air pancuran dari celah-celah batu begitu jernih dan menyegarkan. Itulah satu-satunya sumber air minuman dari sebuah wasai di atas bukit kampung Gua Matan itu bagi pelbagai kegunaan. Tidak kira pagi ataupun petang teruna-teruna yang sudah nampak keremajaannya mula sibuk mencari tempat bagi mengintai dara-dara sebaya mereka yang asyik membasuh kain tanpa menyedari ada banyak mata yang merakam sekujur tubuh mereka.

Salah hari bulan sepandai-pandai tupai melompat akan ada masa dan ektikanya jatuh ke tanah jua. Itulah nasib yang menyebelahi Suhib, dia tergelincir lalu jatuh tergolek betul-betul di hadapan Hasnah yang berkemban tengah menyuci kain. Hasnah menjerit.

Otomatik Suhib terkejut. Kenangan puluhan tahun di masa silamnya berakhir di situ. Dia tersenyum kerana peristiwa itulah mereka ditangkap basah. Kebetulan pula Hasnah waktu itu baru putus tunang dengan Rashid yang lari bersama Rubiah seorang pemukun dari seberang laut.

"Abang jangan cuba-cuba nak kembali ke zaman muda abang …!"

"Apa yang kamu katakan ini …?"

"Terkilat ikan di air Hasnah dah tau jantan betinanya."

"Jangan cuba bermain api bang nanti membakar diri."

"Siapa yang main api ni, kamu kan tahu abang tidak merokok …"

Amaran terakhir Hasnah kepada suaminya yang sudah ada bunga-bunga mau menyeleweng. Suhib tidak dapat berbuat apa-apa, kerana bangkai gajah yang disembunyikannya dengan nyiru selama ini, baunya sudah terhidu oleh isterinya.

Akhir-akhir ini Hasnah merasakan perubahan Suhib amat ketara. Apa tah lagi demam mukum sudah pun merebak ke sana sini malah ke seluruh negera. Mukun yang dulunya sudah hilang senyap terkubur tanpa nisan, kini kembuh dan bangkit kembali seperti pontianak merayau untuk membalas dendam dengan begitu cepat.

Inilah yang membuatkan Hasnah tak nyenyak, sering dilanda kegelisahan. Hasnah marah dengan timbulnya virus mukun ini. Kerana mukun inilah yang membuatkan dia menangis tidak berlagu. Tau-tau tunangnya Rashid sudah lari bersama pemukun nombor satu dari seberang laut itu.

"Kalau roboh Kota Melaka … papan di Jawa dinda dirikan, kalau sungguh bagi dikata … badan dan nyawa dinda serahkan …!

Rangkap pantun yang tidak diketahui siapa penciptanya itulah, menjadi asap kimia yang membunuh hampir seluruh kehidupan Hasnah. Mujurlah Suhib menjadi spiderman yang menyelamatkan dirinya dalam percubaan terjun atas pokok asam aur-aur kerana tunangnya dilarikan orang.

Apalah daya dan kekuatan seorang perempuan tua seperti Hasnah untuk menghalang Suhib dari memboloskan diri. Akhirnya orang tua yang kurang sedar diri itu berjaya juga lolos dari memenuhi kehendaknya yang ketagih sangat hendak bermukun.

"Kau jangan biarkan Suhib itu bermukun Hasnah, aku dengar si Rubiah pun ada si miang yang bawa lari tunang kau tu dulu." Kasum temannya yang bermulut murai itu cuba mengingatkan Hasnah.

"Macam mana kau tau …?" celah Hasnah.

"Itu tak penting yang aku takut nanti kau akan menangis sekali lagi …!"

Hasnah kini lebih berhati-hati dan tidak akan lupa pada apa yang diperolehinya dari sebuah hiburan yang bernama mukun itu. Inilah yang menyebabkan 'uri' Hasnah timbul dan kalau bertemu dengan 'dugal' pasti Hasnah akan kena *heart attack.*

"Abang sukakah jika Hasnah terjun atas pokok macam dulu …?"

"Kalau nak terjun pun biarlah di kolam …!" Suhib bergurau.

"Dalam perkara ini Hasnah tidak pernah berguruau bang …!"

"Cakap tak tentu ujung pangkal ni mengapa …?"

**" SUDAH terlambat Rubiah aku cuma mengharapkan supaya kau tidak akan membuat aku gila dan hilang perhitungan untuk membunuh kau sekarang." Hasnah merasa puas kerana dapat melepaskan geram yang bersarang di dadanya selama berpuluh-puluh tahun itu. Rubiah adalah perempuan yang paling dibencinya. Kerana Rubiahlah hidupnya menderita dan membuatkan dirinya hampir-hampir gila. Rubiah betul-betul duri dalam dagingnya.**

"Kita ni dah senja bang … esok-esok entah siapa yang mati dulu …"

"Apalah salahnya kita menikmati zaman muda kembali."

"Kalau dengan Hasnah boleh tapi bukan dengan si miang idola abang itu ...!"

"Siapa kata abang ada idola …? Abang Cuma nak mengenang kembali kecemerlangan zaman mukun kita tu dulu …!" Suhib cuba bertahan.

Hati Hasnah benar-benar sudah terbakar hangus. Dia tidak mahu kehilangan lagi setelah dia kehilangan sesuatu oleh spesies yang serupa. Hasnah berazam dan bersumpah akan mempertahankan haknya, setiap penjenayah yang memusnahkan kehidupannya akan dikejarnya walau sampai ke lubang cacing …!

"Aku kita kau masih ingat padaku." Hasnah memulakan kata-katanya yang penuh makna.

"Mengapa pula aku harus lupa Hasnah," Rubiah menjawab jujur.

"Apakah kedatangan kau kali ini untuk merampas hak milik ku lagi …?"

"Apa yang kau cakap ni Hasnah aku tak faham …!"

"Memang dasar perempuan tidak pernah kenal milik siapa."

"Apa mau yang aku rampas Hasnah …?"

"Sungguh indah bahasamu Rubiah. Begitu mudah dan cepat kau melupakan sesuatu setelah kau melukakan hati orang lain."

"Aku tidak bersekolah tinggi Hasnah, kerana itu aku tidak mengerti dengan bahasa yang berbunga-bunga, terus terang sajalah Hasnah …"

"Kalau aku pontianak akan kuambil kembali milikku yang kau rampas itu dengan kejam dan aku akan hirup darah mu sehingga kau kempis …!"

"Bawa mengucap banyak-banyak Hasnah, kita sesama Islam …"

"Jika selama ini aku tidak mengucap banyak-banyak, kaki kau itu tidak akan pernah memijak bumi Brunei ini seperti sekarang. Rubiah pemukun nombor satu …!"

"Rupa-rupanya selma ini kau berdendam padaku Hasnah, maafkan aku."

"Sudah terlambat Rubiah aku cuma mengharapkan supaya kau tidak akan membuat aku gila dan hilang perhitungan untuk membunuh kau sekarang."

Hasnah merasa puas kerana dapat melepaskan geram yang bersarang di dadanya selama berpuluh-puluh tahun itu. Rubiah adalah perempuan yang paling dibencinya. Kerana Rubiahlah hidupnya menderita dan membuatkan dirinya hampir-hampir gila. Rubiah betul-betul duri dalam dagingnya.

Petang itu langit mendung muram dan suram, ada tanda-tanda hujan akan turun. Di Terminal Laut itu wujud dua insan yang hendak berpisah. Orang dari seberang akan pulang ke tanah seberang. Yang di darat apakah akan terus membelai debu-debu cinta mereka yang berterbangan dan akan bersemadi dalam lipatan hati masing-masing.

"Bagaimana dengan Rashid suami kau …?" Beralun suara Suhib bagaikan alunan ombak di tebing tembok terminal itu.

"Dia sudah meninggal enam tahun lepas," sayu dan hiba suara Rubiah.

"Sekarang siapa suamimu …?"

"Perkahwinan Rubiah cukup sekali bang Suhib, hati Rubiah tertutup rapat untuk semua lelaki." Rubiah melontarkan pandangannya ke tengah laut.

"Walaupun aku …?" Suhib tidak gentar menawarkan dirinya.

"Sedarkah bang Suhib apa yang bang Suhib katakan itu …?

"Yang berkata-kata adalah hatiku…"

"Jangan bang Suhib cukuplah sekali aku menyakiti hati Hasnah. Aku berdosa besar Hasnah tidak memaafkan aku."

"Cinta pertamaku adalah kau Rubiah. Berapa lama pun cinta itu tidak akan musnah, walau menjadi debu-debu berterbangan." Suhib menggilap kembali nilai cintanya terhadap Rubiah.

"Semua itu sudah berlalu bang Suhib. Hasnah seorang isteri yang setia bukan macam Rubiah." Mata Rubiah berair menyebabkan pandangan sekitar terminal itu semakin kabur.

"Aku tidak sanggup berpisah denganmu untuk kali kedua Rubiah."

"Jangan bang Suhib, biarlah hidup Rubiah beralun umpama gelombang yang sebentar lagi akan Rubiah tempuh."

"Aku akan pergi bersamamu Rubiah …!"

"Lupakan saja Rubiah yang pernah menodai kesetiaan abang."

Dengan pantas Rubiah mencium tangan Suhib dan terus masuk ke dalam *speed boat* yang akan membawanya ke tanah seberang. Sedih dan hampa mula membungkus perasaan Suhib apabila Rubiah sudah berada di dalam perut *speed boat* yang sekejap lagi akan membawanya pulang bersama kenangan yang akanb erkubur dalam lipatan hatinya sampai mati.

Dalam speed boat Rubiah menangis. Kedatangannya ke Brunei itu bukan untuk merampas sesuatu, cuma untuk meminta maaf di Hari Raya yang mulia itu. Tapi maksudnya tidak kesampaian. Dalam hatinya berazam tidak akan menjejakkan kakinya lagi di bumi Bruneu buat selama-lamanya.

Suhib belum lepas pandang memerhatikan speed boat yang membawa Rubiah, di mula menyingkap lakonan ketika muda mereka berebut cinta dengan Rashid kawan karibnya sendiri yang sudah punya tunang, hinggalah dia menjadi pengubat luka kepada Hasnah bekas tunangan Rashid yang menjadi isterinya sekarang.

Tiba-tiba Suhib dikejutkan dengan satu letupan yang kuat. *Speed boat* yang membawa Rubiah mendapat kemalangan di tengah laut. Esok paginya tersebar berita sebuah *speed boat* meletup di tengah laut yang mengorbankan kesemua penumpangnya dan hingga sekarang mayat-mayat mereka masih belum dijumpai.

# Majlis-majlis Ibadah Korban di seluruh negara





YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah ketika berangkat dan mengagihkan daging korban kepada peserta dan penerima yang berhak di Majlis Ibadah Korban Bagi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya (kiri dan kanan).

## Berkenan agihkan daging ibadah korban

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 November. - Sebanyak sebelas ekor kerbau telah dikorbankan oleh Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena dengan Majlis Ibadah Korban Sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengagihkan daging-daging korban tersebut kepada seramai 150 orang anak-anak yatim dari Mukim Berakas.

Majlis yang berlangsung di ruang legar Kementerian Kewangan di Commonwealth Drive itu dihadiri sama oleh Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Terdahulu sebelum acara pengagihan daging-daging korban, bacaan Surah Al Faatihah telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz yang mana di akhir majlis Yang Dimuliakan juga membacakan doa selamat.

Majlis ibadah korban tersebut telah diselaraskan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Hadir sama di majlis itu ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan.

Oleh :
Zabaidah Haji Salat,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Abdullah Asgar
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Dk. Siti Redzaimi, Pg. Haji Ahmad,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Ak. Haji Mohd. Zukarnaen
Pg. Haji Abu Bakar,
Mas'ayu PA Haji Abdullah
Foto :
Ramli Tengah,
Abdullah Haji Awang Tengah,
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Hernie Suliana Haji Othman,
Mohd. Hatral Hazmi Abd. Hamid,
Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Azmah Haji Ahad




### Kelebihan menunaikan Ibadah Korban

- UMAT Islam yang berkemampuan bagi diri sendiri dan orang-orang di bawah tanggungannya adalah disyariatkan oleh agama Islam untuk mengerjakan ibadah korban terutamanya pada Hari Raya Aidiladha dan hari-hari Tasyrik

- IBADAH korban juga bagi memperingati peristiwa korban Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam yang hendak menyembelih anaknya, Nabi Allah Ismail Alaihissalam.

- IBADAH korban sebagai tuntutan agama, umat Islam juga dapat menghayati falsafah korban yang sebenar.

- MENJADI simbol umat Islam sebagai wujudnya ketakwaan seorang manusia dalam mentaati perintah Allah.













| | IBADAH KORBAN | SAPI | KERBAU | KAMBING |
|---|---|---|---|---|
| 1. | JPM | 4 | 1 | |
| 2. | Kementerian Pendidikan | 4 | 5 | 2 |
| 3. | Kementerian Hal Ehwal Ugama | 6 | 2 | 5 |
| 4. | Kementerian Kesihatan | 8 | | 1 |
| 5. | Kementerian HEDN | | 4 | |
| 6. | Kementerian Pembangunan | 3 | 2 | |
| 7. | Kementerian KPSSU | | 5 | |
| 8. | Kementerian Perhubungan | | 5 | |
| 9. | Kementerian Kewangan | | 11 | |
| 10. | YSHHB | 1 | 7 | 10 |
| 11. | UNISSA | | 2 | 1 |
| 12. | KUPUSB | | 3 | 1 |
| 13. | PKMS | 3 | | |
| 14. | Mukim Lumut | 3 | | |
| 15. | Sekolah UBD | 1 | | 4 |
| 16. | RPN Kg. Rimba | 4 | | |
| 17. | Kumpulan Syarikat Serikandi | 2 | | 20 |
| 18. | Vokasional Sultan Bolkiah | 2 | 2 | |

*"ORANG yang berkorban itu akan dikurniakan kebajikan (hasanah) sebanyak bulu kambing yang dikorban, manakala titisan darah korban yang pertama adalah pengampunan bagi dosa-dosa yang telah lalu dan darah korban yang tumpah ke bumi itu juga akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah."*





















# Amalkan perkara '*amar makruf nahi munkar*'




MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dalam melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong di kalangan orang-orang yang mendapat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di Akhirat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala apabila mengharamkan dan menghalalkan sesuatu itu sebenarnya mengandungi rahsia dan hikmah disebaliknya. Begitu juga halnya dengan pengharaman zina, kerana ia adalah perbuatan yang sangat keji dan berdosa besar.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa' ayat 32, tafsir-Nya :

*"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat yang membawa kerosakan."*

Sebenarnya perbuatan zina banyak menimbulkan masalah kepada keluarga, masyarakat dan negara, yang mana boleh menyebabkan porak-peranda dan berpecah belah, merosakkan keturunan, merosakkan kesihatan rohani dan jasmani, menghilangkan ketenangan dan mencemarkan kesucian agama Islam, bahkan merupakan salah satu penyebab turunnya bala dan membawa bermacam-macam penyakit seperti Siplis, AIDS dan bermacam-macam lagi penyakit yang merbahaya.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa AIDS adalah berpunca dari virus HIV yang menyerang sistem pertahanan tubuh badan dan boleh berjangkit melalui hubungan seks, pemindahan darah, penggunaan jarum suntikkan yang tercemar serta melalui ibu mengandung kepada anak yang dikandungnya dan melalui penyusuan badan.

Penyakit AIDS adalah penyakit yang sangat merbahaya, oleh kerana itu kita mesti sentiasa berusaha sedaya upaya menyelamatkan negara kita dari terus dilanda wabak virus HIV. Sehingga bulan Oktober 2009, sejumlah 56 kes tempatan HIV dan AIDS yang dilaporkan di negara kita. Jumlah penyakit-penyakit kelamin yang lain juga semakin meningkat dari setahun ke setahun. Ini bermakna hubungan seks bebas atau di luar nikah semakin berleluasa.

Sebenarnya berleluasanya zina dan maksiat adalah antara tanda-tanda kecil akan berlakunya Kiamat, sebagaimana pernah diceritakan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda, maksudnya :

*"Dari 'Anas ia berkata : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sesungguhnya di antara tanda-tanda dekatnya Hari Kiamat ialah hilangnya kemanfaatan ilmu dan makin ketara kebodohan dan banyaknya peminum arak dan meluasnya perzinaan dengan terang-terangan"* (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Ketahuilah bahawasanya apabila kemungkaran dan kemaksiatan semakin berleluasa, maka tunggulah balasan atau azab dari Allah Subhanahu Wata'ala. Dan inilah yang pernah terjadi ke atas kaum Lut yang ditimpa malapetaka yang dahsyat kerana perbuatan liwat atau homoseksual. Perkara ini telah diceritakan dalam Surah Huud ayat 82 - 83, tafsir-Nya :

*"Maka apabila datang masa pelepasan perintah Kami, Kami jadikan Negeri Lut itu tunggang balik iaitu tertimbus segala yang ada di muka buminya dan Kami menghujaninya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menimpanya bertalu-talu. Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu untuk membinasakan mereka dan ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim."*

Sesungguhnya perbuatan zina dan liwat merupakan penyakit sosial yang membawa kepada kejatuhan dan kehancuran umat. Maka sudah sewajarnyalah perbuatan tersebut dijauhi, disekat dan dihapuskan dengan sikap yang tegas dan segera, kerana dikhuatiri apabila sesuatu bala itu diturunkan Allah Subhanahu Wata'ala, bukan hanya orang yang melakukan maksiat itu sahaja yang akan ditimpa bala, malah kita semua akan turut sama menerima kesannya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

*"Dari 'Addi bin Khatim ia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda : Sesungguhnya tidak akan mengazab orang ramai (orang awam) dengan perbuatan orang-orang yang sedikit sehingga orang ramai tadi melihat kemungkaran di hadapan mata mereka dan mereka berkuasa untuk mencegahnya, tetapi mereka tidak mencegahnya. Sekiranya mereka berbuat demikian, maka Allah akan menurunkan azab-Nya kepada orang-orang yang sedikit tadi dan orang ramai (orang awam)."* (Riwayat Al-Imam Ahmad).

Oleh kerana itu kita hendaklah menjauhkan diri kita, keluarga kita dan umat Islam seluruhnya dari perbuatan dosa dan maksiat. Islam telah mengajar kepada kita cara hidup yang benar dan betul agar hidup kita selamat di dunia dan di Akhirat. Oleh itu terdapat beberapa usaha yang sepatutnya kita lakukan dalam membanteras gejala perbuatan maksiat seperti zina dan liwat agar tidak berleluasa, antaranya ialah dengan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, iaitu mentaati perintah dan hukum Allah Subhanahu Wata'ala, menjauhi segala larangan-Nya dan merasa takut akan azab seksa Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita juga hendaklah mengamalkan perkara *'amar makruf nahi munkar'*, iaitu menyuruh berbuat kebaikan dan menegah perbuatan mungkar. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai seorang Muslim, ibu bapa, penjaga, keluarga, guru, jiran dan sahabat untuk memberi nasihat atau menegur jika mendapati anak-anak, saudara atau teman yang melakukan perkara yang menyalahi hukum agama. Jangan kerana takut, malu atau segan, perkara mungkar di hadapan mata tidak diendahkan. Ingatlah bahawa sikap tidak pemedulian atau tidak acuh itulah yang menjadi punca perbuatan-perbuatan mungkar dan dosa terus dilakukan seperti perbuatan zina, liwat dan penyalahgunaan dadah, sehingga tanpa disedari, inilah di antara punca penyakit AIDS tersebar dengan lebih meluas.

Langkah yang seterusnya pula ialah dengan mengukuhkan institusi keluarga kerana kekuatan sesebuah masyarakat, negara dan umat Islam adalah bergantung kepada kemantapan institusi keluarga. Oleh itu suami isteri, ibu bapa dan keluarga haruslah sama-sama bertanggungjawab untuk mewujudkan hubungan kekeluargaan dalam suasana dan persekitaran yang sihat dan mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya, mendidik dengan pembentukan akhlak dan peribadi yang mulia, menunjukkan teladan yang baik serta memberi perhatian, pemedulian dan kasih sayang yang secukupnya.

Ketahuilah bahawa didikan ajaran agama Islam serta pendedahan mengenai harga diri, etika dan moral hendaklah diberikan sedari kecil lagi. Faktor inilah yang akan mengawal diri dari perbuatan mungkar. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh persekitaran seperti media massa, wang ringgit, rakan sebaya dan sebagainya adalah sangat mencabar dan mudah meracuni minda dan fikiran khususnya remaja dan belia. Oleh itu ibu bapa berkewajipan menangani masalah anak-anak secara bijaksana dan bersikap tegas jika mendapati anak-anak mereka terlibat dengan gejala mungkar. Jangan tunggu hingga masalah menjadi parah baru hendak bertindak, kerana nasihat dan teguran di peringkat awal dapat menyelamatkan anak-anak dari terus terjerumus ke lembah dosa dan maksiat.

Selain daripada itu juga, ibu bapa hendaklah memberi maklumat yang secukupnya serta memberi gambaran baik buruk sesuatu kelakuan dan risiko-risiko yang akan dihadapi kepada anak-anak sesuai dengan masa dan ketikanya. Kawalan dalaman yang kuat inilah yang boleh mematangkan fikiran anak-anak dan akan dapat mengawal diri walau di mana pun dia berada. Ingatlah bahawa anak-anak adalah suatu amanah yang semetinya dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At Tahriim ayat 6, tafsir-Nya :

*"Wahai orang-orang yang beriman peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Api Neraka."*

Oleh itu, wahai kaum Muslimin, marilah kita sama-sama memelihara diri, keluarga dan masyarakat kita dengan mengikuti ajaran agama Islam sepenuhnya, kerana hanya dengan jalan demikian sahajalah kita selamat dari terjerumus ke lembah dosa yang akibatnya boleh mendatangkan bala dan musibah dari Allah Subhanahu Wata'ala. Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa semoga kita dan anak-anak kita semua terhindar dari melakukan dosa dan maksiat dan negara kita selamat dari bala dan musibah. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At Taghaabun ayat 11, tafsir-Nya :

*"Tidak ada kesusahan atau bala bencana yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah. Dan siapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."*

***"DARI 'Anas ia berkata : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sesungguhnya di antara tanda-tanda dekatnya Hari Kiamat ialah hilangnya kemanfaatan ilmu dan makin ketara kebodohan dan banyaknya peminum arak dan meluasnya perzinaan dengan terang-terangan."***
**(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari ).**

## وقت سمبهيڠ امساك, شوروق دان ضحى

وقت سمبهيڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى باڬي داءيره بروني موارا دري هاري سبتو5 ديسيمبر 2009 برساماءن دڠن 17 ذوالحجه 1430 هيڠڬ كهاري جمعة 11 ديسيمبر 2009 برساماءن 23 ذوالحجه 1430 اداله سڤرت دباوه اين:-

| مسيحي | ضحى | شوروق | صبح | امساك | عشاء | مغرب | عصر | ظهر | هجره |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ديسيمبر | | | | | | | | | ذوالحجه |
| 5 | 6.40 | 6.15 | 4.53 | 4.43 | 7.21 | 6.07 | 3.34 | 12.12 | 17 |
| 6 | 6.40 | 6.15 | 4.53 | 4.43 | 7.22 | 6.07 | 3.35 | 12.13 | 18 |
| 7 | 6.41 | 6.16 | 4.53 | 4.43 | 7.22 | 6.08 | 3.35 | 12.13 | 19 |
| 8 | 6.41 | 6.16 | 4.54 | 4.44 | 7.22 | 6.08 | 3.35 | 12.14 | 20 |
| 9 | 6.42 | 6.17 | 4.54 | 4.44 | 7.23 | 6.08 | 3.36 | 12.14 | 21 |
| 10 | 6.42 | 6.17 | 4.55 | 4.45 | 7.23 | 6.09 | 3.36 | 12.14 | 22 |
| 11 | 6.43 | 6.18 | 4.55 | 4.45 | 7.24 | 6.09 | 3.37 | 12.15 | 23 |

وقت٢ سمبهيڠ باڬي داءيره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان داءيره بلاءيت دتمبه تيڬ مينيت دان سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاءي دري ڤوكول 12.45 تڠه هاري



**PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**NOTIS TAWARAN BILANGAN : HMSF/LDS/01//2009**

**TAJUK: (RETENDER) MAINTANCE OF TURVES, SOFT LANDSCAPE AND DESILTING OF DRAINS AT HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT (RIMBA) AND HELIPORT (ISTANA DARUL HANA) AREA.**

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia .
2. Dokumen tawaran yang berharga $100.00 (tidak dikembalikan) bolehlah diperolehi daripada Pejabat Timbalan Pengarah, Penerbangan Kebawah Duli yang Maha Mulia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Bandar Seri Begawan BB2713, Negara Brunei Darussalam. Tarikh akhir mengambil borang tawaran adalah pada 19 Disember 2009.
3. Syarikat-syarikat mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
4. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
5. Tawaran hendaklah di masukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat **jam 2.00 petang, Isnin, 28 Disember 2009.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
7. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
8. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang di sediakan dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan: LTN/4(39/1997).
10. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**BILANGAN TAWARAN : JPi/13/2009**
TAJUK : **THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, COMMISSIONING AND TRAINING FOR SHRIMP HARVESTING EQUIPMENT AT SG. PAKU, TELISAI**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan dan dialamatkan kepada:-

   **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,**
   **Peti Lembaga Tawaran Kecil,**
   **Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,**
   **Tingkat Bawah,**
   **Jalan Menteri Besar, BB 3910,**
   **Negara Brunei Darussalam.**

2. Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2:00 petang pada Hari Selasa, 15 Disember 2009.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat:-

   **THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, COMMISSIONING AND TRAINING FOR SHRIMP HARVESTING EQUIPMENT AT SG. PAKU, TELISAI**

   **Bilangan Tawaran : JPi/13/2009**
   **Tarikh Tutup: 15 Disember 2009**
   **Jam Tutup: 2:00 Petang**

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokuman tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Program dan Projek Perindustrian, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Jalan Menteri Besar, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam di talian 2383067 Sambungan 2331dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat I, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, pada hari bekerja:-

   **Isnin - Kamis dan Sabtu;**
   **8:00 pagi – 11:30 pagi**
   **1.30 petang – 3.00 petang**

5. Yuran sebanyak $30.00 (tidak dikembalikan)
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.
7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan / Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.
8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai 9 November 2009.

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. Tawaran adalah dipelawa bagi **"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, SETUP AND CONFIGURATION OF AUTOMATIC METEOROLOGICAL DATA ACQUISITION SYSTEM (AMEDAS) PROTECTION DEVICE"**
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :

   **TAWARAN BAGI**
   **"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, SETUP AND CONFIGURATION OF AUTOMATIC METEOROLOGICAL DATA ACQUISITION SYSTEM (AMEDAS) PROTECTION DEVICE"**

   **Bilangan Tawaran : JPA/MET/09/03**
   **Tarikh Tutup : 15 DISEMBER 2009**
   **Kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
   **Kementerian Perhubungan,**
   **Jalan Menteri Besar,**
   **Bandar Seri Begawan,**
   **Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran hendaklah sampai kepada **Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa 15 Disember 2009.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu) dengan harga sebanyak **B$50.00** senaskah (tidak dikembalikan) dan untuk e-Dokumen **B$5.00** satu unit.
5. Pihak penender bolehlah meneliti dokumen tawaran tersebut sebelum membelinya dan juga untuk menerima keterangan lanjut di Pejabat Ketua Pegawai Kajicuaca, Blok B23, Flat Anggerek Desa, Spg 32-37, Kg Anggrek Desa, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Telefon : 2381346 Sambungan 110
   Telex : BU 2267
   Fax : 2343134
   e-mail : cmo@brunet.bn

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BP/098/2009**

TAJUK TAWARAN : **"SUPPLY AND INSTALLATION OF 1,000 KVA DISTRIBUTION TRANSFORMER"**

Tarikh Tutup: **15 Disember 2009, hari Selasa 2.00 petang**
Harga Tawaran: **B$30.00 (Tidak dikembalikan)**

Tempat tutup :
**"TENDER BOX"**
**Lembaga Tawaran Kecil Bahagian TENAGA,**
**Jabatan Perdana Menteri,**
**Tingkat 5, Blok Unit Petroleunm,**
**Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar,**
**Bandar Seri Begawan, BB 3910**

Kelayakan : **Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan bagi salah satu Kategori 6(f) dan 6(g) dalam Kelas II, III, IV, V dan VI sahaja**, mempunyai pekerja mahir yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan/kemudahan bagi mengendalikan kerja tersebut.
Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari kaunter Bahagian Perkhidmatan Pelangga, lantai bawah, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat (4), Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

---

**JABATAN ALAM SEKITAR TAMAN DAN REKREASI**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **KELAS IV, V & VI KATEGORI 6a ATAU 6f SAHAJA**

**Tarikh Tutup Pada : 12 Januari 2010 (Sabtu)**
**Hingga Jam : 2.00 petang**

(Ditutup di Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BPDP / T039 / 2009**
**PENUBUHAN STESEN RANGKAIAN PEMANTAUAN KUALITI UDARA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**NO. PROJEK** : **JASTRE / BPP / T039 / 2009**

JUMLAH YURAN TAWARAN : **B$ 500.00**

---

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam **Kelas VI sahaja** dan **Kategori Kerja 1, 2, 3 & 5b** bagi:

Projek : **KG. MERAGANG PERPINDAHAN/SKIM PERUMAHAN**
**Kg. Meragang – Kerja Tanah & Infrastruktur Pembetungan Utama & Logi Rawatan, Negara Brunei Darussalam**

No. Projek: **JKP / 32 / 2009**

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan tawaran boleh dilihat dan didapati di **Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam.**

**(1) Permohonan Ikut Serta Tawaran**
**Tarikh Tawaran dibuka** : 2**5hb. Nobember, 2009 (Rabu)**
( Tarikh borang mengikuti tawaran dibuka)
Tarikh akhir mengambil borang mengikuti tawaran dari Konsultan HAHD Engineering & Associates : **08hb. Disember, 2009 (Selasa)**
Tarikh tutup menghantar borang mengikuti tawaran kepada Konsultan HAHD Engineering & Associates: **09hb. Disember, 2009 (Rabu)**

(2) **Dokumen & Lukisan Tawaran**
Tarikh mengambil dokumen Tawaran : **23hb. Disember, 2009 (Rabu)**
Tarikh akhir mengambil dokumen & Lukisan tawaran dari Bahagian Pentadbiran Kontrak, JKP : **30hb. Disember, 2009 (Rabu)**
**Tarikh Tutup Tawaran** (Tarikh menghantar Tawaran) : **05hb. Januari, 2010 (Selasa) (Tidak lewat jam 2.00 petang)**
**Tempat Tutup : Lembaga Tawaran Kecil,**
**Tingkat Bawah,**
**Bangunan kementerian Pembangunan,**
**Kementerian Pembangunan,**
**Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas,**
**Bandar Seri Begawan,**
**Negara Brunei Darussalam**

**(3) Yuran Tawaran, Dokumen & Lukisan**
Yuran Tawaran : **$5,000.00 (Tidak dikembalikan)**

**Waktu Pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran Dokumen / Lukisan Tawaran**
Isnin – Khamis : 8.00 Pagi – 2.30 Petang
Sabtu : 8.00 Pagi – 10.30 Pagi

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan didalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan, tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk dan No. Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Pemborong yang berminat untuk ikut serta didalam tawaran ini hendaklah terlebih dahulu menghadapkan permohonan untuk mengikuti tawaran ini dengan menggunakan borang permohonan yang telah disediakan. Borang-borang permohonan tersebut bolehlah didapati di Pejabat **Konsultan HAHD ENGINEERING & ASSOCIATES Unit 8,9 & 10, Tingkat 2 Bgn. Hj. Hassan & Anak-Anak Kg. Kiulap BE 1518 B.S.B., Negara Brunei Darussalam.** Permohonan bagi mengikuti tawaran ini hanya akan diterima oleh pihak Konsaltan tidak lewat 2 minggu dari tarikh buka tawaran iaitu sehingga hari **Selasa, 08hb. Disember, 2009.** Manakala tarikh tutup bagi menghantar permohonan tersebut ialah pada **hari Rabu, 09hb. Disember, 2009.** Penilaian bagi permohonan untuk mengikuti tawaran ini akan dilaksanakan oleh pihak Konsultan HAHD Engineering & Associates.
5. Pemborong hanya akan dibenarkan ikut serta didalam tawaran ini jika Pemborong berjaya didalam permohonan tersebut. Setiap permohonan Pemborong (samada berjaya atau tidak berjaya) akan dimaklumkan oleh Bahagian Pentadbiran Kontrak, Jabatan Kemajuan Perumahan melalui persuratan kepada Pemborong. Pemborong yang berjaya akan diberikan oleh Jabatan ini 'Pengesahan bagi Kelayakan untuk Mengikuti Tawaran' (Tender Eligibility Certification).
6. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari **Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam.**
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki untuk membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah **berdaftar di Kementerian Pembangunan** dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
10. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
11. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan: LTN/4(39/1997).
12. Wakil Syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
3. Keterangan barang-barang sejumlah 51 unit peralatan komputer adalah seperti berikut :

**51 UNIT PERALATAN KOMPUTER**

BIL. JENIS PERALATAN. MODEL. RUJUKAN JTMSN. NOMBOR SIRI. RUJUKAN JABATAN.

1. Modem. Zyxel U-1496. M1/TA18NA6/19/97. 57B0104987. 96
2. Modem. Zyxel U-1496. M1/ TA18NA6/08/97. 570104976. 97
3. Modem. Zyxel U-1496. M1/TC2NA4/08/2000. 590010012. 98
4. Modem. Zyxel U-1496. TDK. 5610100107. 99
5. Modem. Zyxel U-1496. M1/TA18NA6/01/97. 57B0104969. 100
6. Modem. Zyxel U-1496. TDK. 5640105045. 101
7. Modem. Zyxel U-1496. M1/TC2NA/04/2000. 5990100003. 102
8. Switch. 3COM. M1/TC2NA7/0l/2000. 7TRV485014. 103
9. Termserver. C52500. TDK. 1CC03284. 104
10. Termserver. C52500. TDK. 4CCElOOl77. 105
11. Termserver. C52500. TDK. N04069. 106
12. Termserver. C52500. TDK. 1CC03290. 107
13. Termserver. Bridge Communications. TDK. K01464. 108
14. Termserver. Bridge Communications. TDK. 13698. 109
15. Termserver. Bridge Communications. TDK. K01391. 110
16. Termserver. Bridge Communications. TDK. 21187. 111
17. Termserver. Bridge Communications. TDK. K06565. 112
18. 8 port multimux. Multitech. TDK. 1375651. 113
19. 8 port multimux. Multitech. TDK. 1366157. 114
20. 8 port multimux. Multitech. TDK. 1375380. 115
21. 16 port multimux. Multitech. TDK. 814725. 116
22. 16 port multimux. Multitech. TDK. 814726. 117
23. 16 port multimux. Multitech. TDK. 1610440. 118
24. Multimux. Omnimux. TDK. 3591267. 119
25. Terminal. Esprit. TDK. 581082708380. 120
26. Terminal. Esprit. TDK. 5801030310. 121
27. Terminal. Esprit. TDK. 5801030346. 123
28. Terminal. Esprit. TDK. 5801030299. 124
29. Terminal.Esprit. TDK. 5801030184. 125
30. Terminal. Esprit. TDK. 581072637024. 126
31. Terminal. Esprit. TDK. 5801030574. 127
32. Terminal. Esprit. TDK. 5801027637. 128
33. Terminal. Esprit. TDK. 581082708376. 129
34. Terminal. Esprit. TDK. 5801029703. 130
35. Terminal. Esprit. TDK. 5801030157. 131
36. Terminal. Esprit. TDK. 5801030179. 132
37. Terminal. Esprit. TDK. 581072637017. 133
38. Terminal. Esprit. TDK. 581072524336. 134
39. Terminal. Esprit. TDK. 5801030347. 135
40. Terminal. Esprit. TDK. 5801029702. 136
41. Terminal. Esprit. TDK. 5801029710. 137
42. Terminal. Esprit. TDK. 5801006331. 138
43. Terminal. Esprit. TDK. 4601013770. 139
44. Terminal. Esprit. TDK. 4601025820. 140
45. Terminal. Esprit. TDK. 4601025828. 141
46. Terminal. Esprit. TDK. 4601025477. 142
47.Terminal. Esprit. TDK. 4601019154. 143
48. Terminal. Esprit. TDK. 4601013779. 144
49. Terminal. Esprit. TDK. 4601013824. 145
50. Terminal. Esprit. TDK. 4601013814. 146
51. Terminal. Esprit. TDK. 4601022399. 147

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI DAN MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KEBANKRAPAN NO 164 TAHUN 2009**

**BAIDURI BANK BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**NORDEEN BIN AHMAD**
**BYIC No. 00-078279**
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **12 September 2009.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
**NORDEEN BIN AHMAD**
No. 4C, Block 4, Jalan D, Simpang 75, Rumah Transit, Mentiri BU1929 Brunei Darussalam.
Tarikh petisyen : 4 Julai 2006.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 Oktober 2009.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **10 Disember jam 9.45 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Disember jam 9.45 pagi.**
Bertarikh : **11 November 2009**

**DK HJH NORISMAYANTI PG HJ ISMAIL**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO 155 TAHUN 2009**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**MASNAH BINTI ABDULLAH**
**BYIC No. 00-046405**
… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **29 Oktober 2009.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
**MASNAH BINTI ABDULLAH**
No. 10, Simpang 363-30-24, RPN, Kg. Pandan 8, Kuala Belait KA1931 Brunei Darussalam.
Tarikh petisyen : 31 Ogos 2009

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 Oktober 2009.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **10 Disember jam10.00 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Disember jam10.00 pagi.**
Bertarikh : **11 November 2009.**

**DK HJH NORISMAYANTI PG HJ ISMAIL**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

TAWARAN adalah dipelawa bagi mendapatkan **BILANGAN PENDAFTRAN SIRI BAB 11 HINGGA BAB 9999.**

Borang tawaran hendaklah dengan menggunakan sampul surat berukuran 4" x 9" dan catatan perkatan **"TAWARAN BILANGAN PENDAFTRAAN "** dibahagian atas / kiri sampul surat tersebut.

Tawaran-tawaran hendaklah menyatakan butir-butir berikut:-

**-Bilangan Pendaftran yang dipohonkan.**

**-Harga Tawaran.**

**-Nama-Penuh, Alamat, Bilangan Kad Pengenalan dan Nombor Telefon.**

**-Setiap Permohonan hendaklah menyertakan wang bayaran perkhidmatan sebanyak dua puluh lima ringgit sahaja (B$25.00).**

**-Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang daripada Seratus Ringgit (B$100.00)**

Borang tawaran dan butir-butir mengenai dengan tawaran ini bolehlah didapati daripada Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Cawangan Daerah Brunei/Muara dan Cawangan Daerah Kuala Belait. Tawaran tersebut hendaklah dihantar ke Peti Tawaran , Tingkat Bawah, Ibu Pejabat ,Jabatan pengakutan Darat, Jalan Beribi Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran diterima bermula dari
**Hari Isnin 14 Disember 2009 dan tarikh tutup pada Hari Isnin, 18 Januari 2010, Jam 11.00 pagi.**

**BILANGAN PENDAFTRAN DUA ANGKA SIRI BAB UNTUK DITENDER BAGI ORANG RAMAI**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| BAB 11 | BAB 35 | BAB 52 | BAB 69 | BAB 86 |
| BAB 13 | BAB 36 | BAB 53 | BAB 70 | BAB 87 |
| BAB 14 | BAB 37 | BAB 54 | BAB 71 | BAB 88 |
| BAB 16 | BAB 38 | BAB 55 | BAB 72 | BAB 89 |
| BAB 17 | BAB 39 | BAB 56 | BAB 73 | BAB 90 |
| BAB 18 | BAB 40 | BAB 57 | BAB 74 | BAB 91 |
| BAB 20 | BAB 41 | BAB 58 | BAB 75 | BAB 92 |
| BAB 22 | BAB 42 | BAB 59 | BAB 76 | BAB 93 |
| BAB 23 | BAB 43 | BAB 60 | BAB 77 | BAB 94 |
| BAB 24 | BAB 44 | BAB 61 | BAB 78 | BAB 95 |
| BAB 25 | BAB 45 | BAB 62 | BAB 79 | BAB 96 |
| BAB 27 | BAB 46 | BAB 63 | BAB 80 | BAB 97 |
| BAB 30 | BAB 47 | BAB 64 | BAB 81 | BAB 98 |
| BAB 31 | BAB 48 | BAB 65 | BAB 82 | BAB 99 |
| BAB 32 | BAB 49 | BAB 66 | BAB 83 | |
| BAB 33 | BAB 50 | BAB 67 | BAB 84 | |
| BAB 34 | BAB 51 | BAB 68 | BAB 85 | |






# Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lawat JDT

**Berita dan Foto : Shari Haji Garib**

TUTONG, Sabtu, 7 November. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Daerah Tutong (JDT).

Rombongan Yang Berhormat dialu-alukan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali; Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan pegawai-pegawai kanan JDT.

Semasa berada di JDT, Yang Berhormat dan rombongan melawat ke Bahagian Kewangan, Bahagian Pelesenan, Bahagian Perhubungan Awam dan Bahagian Perhidmatan dan Pembangunan Projek Luar Bandar untuk meninjau secara lebih dekat peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Terdahulu, Yang Berhormat dan rombongan melawat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Cawangan Tutong dan Jabatan Buruh Cawangan Daerah Tutong untuk mengetahui secara lebih lanjut lagi mengenai perkembangan jabatan-jabatan berkenaan dalam memberikan perhidmatan kepada orang ramai.

Dalam lawatan tersebut, Yang Berhormat berpeluang berinteraksi dan bertukar-tukar fikiran dengan pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan berkenaan dalam usaha untuk meningkatkan lagi tahap prestasi, kualiti kerja dan produktiviti jabatan.

Lawatan Yang Berhormat dan rombongan dihasratkan dapat mengukuhkan silaturahim dan kerjasama yang erat di antara pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Turut menyertai lawatan tersebut, Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Mawardi bin Haji Abdullah; Pegawai Pentadbir Kanan KHEDN, Awang Haji Alimin bin Haji Tanjung dan pegawai-pegawai kanan KHEDN.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika membuat lawatan ke Jabatan Daerah Tutong.




PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad bin Haji Abdul Rahman ketika menyampaikan ucapan di Majlis Pembukaan Program Pertukaran Di Antara Rakyat ASEAN - Interaksi Budaya Di Peringkat Akar Umbi (Fasa IV), berlangsung di Hotel Holiday Lodge, Jerudong. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

# Program ASEAN - COCI tingkatkan pemahaman mengenai budaya

**Oleh : Ak. Haji Mohd. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar**

JERUDONG, Isnin, 9 November. - Semangat ASEAN dicerminkan dalam projek dan program di bawah ASEAN-COCI yang direka untuk meningkatkan pemahaman budaya dari segi individualisme, di samping persamaan-persamaan yang sering timbul.

Program ASEAN-COCI khususnya pertukaran di antara rakyat ASEAN telah berjaya membentuk asas untuk pengetahuan akar umbi bagi semua pesertanya yang membolehkan setiap mereka mengalami dan mendapat maklumat dan pengalaman dari negara penganjur.

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohamad bin Haji Abdul Rahman berkata demikian semasa berucap di Majlis Pembukaan Program Pertukaran Di Antara Rakyat ASEAN - Interaksi Budaya Di Peringkat Akar Umbi (Fasa IV) yang berlangsung di Hotel Holiday Lodge, Jerudong.

Menurutnya, usaha-usaha ASEAN-COCI diteruskan untuk menggalakkan rakyat ASEAN saling memahami secara lebih baik di antara satu sama lain selain dapat menghayati dan melihat nilai budaya masyarakat ASEAN secara mendalam.

Menyentuh mengenai budaya ASEAN beliau berkata, negara-negara anggota perlu teguh dalam mengekalkan ketulenan dan sifat tersendiri budaya mereka sendiri.

Beliau menjelaskan, program tersebut merupakan peluang bagi para peserta untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan secara lebih mendalam mengenai budaya dan tamadun tertentu.

Tambahnya, para peserta juga berpeluang menyelidiki secara lebih mendalam sebarang salah faham dan persepsi awal yang mungkin timbul.

Beliau berkata, Brunei Darussalam sentiasa menyokong usaha memperkukuhkan hubungan antara negara-negara ASEAN untuk meningkatkan perpaduan dan pemahaman berharga mengenai budaya tanpa mengira apa pun kelainannya.

Beliau menambah, Negara Brunei Darussalam juga menggalakkan cadangan yang dibuat oleh ASEAN kerana sasaran-sasaran ASEAN boleh dimanfaatkan melalui penglibatan budaya atau manifestasi budaya dan dasar kebudayaan sebagai jambatan menghubungkan jurang dalam usaha untuk mendalami perbezaan tahap pembangunan, sistem ekonomi dan politik, sejarah, kehidupan dan juga agama.

Seramai 26 peserta dari negara-negara ASEAN menyertai program tujuh hari itu.

Antara atur cara program termasuk pembentangan laporan dari setiap negara dan demo (Country Report & Demo), perbincangan, lawatan-lawatan, kerja lapangan dan amali.

Program antara rakyat adalah projek berseri di bawah program ASEAN-COCI sub-komiti kebudayaan yang telah berjalan dalam beberapa fasa dan dianjurkan secara bergilir oleh semua negara ASEAN.

Fasa kali ini merupakan penutup kepada program tersebut dan Brunei Darussalam telah diberikan mandat untuk mengendalikannya.

Program ini antara lain bertujuan mengeratkan lagi persefahaman budaya di peringkat akar umbi di antara warga ASEAN selain disebarluaskan melalui rancangan dokumentari di kaca Tv.

Ia juga sebagai salah satu wadah ke arah pertukaran pandangan serta pengalaman, kefahaman dan penghargaan terhadap budaya masing-masing.

> ***"NEGARA Brunei Darussalam sentiasa menyokong usaha memperkukuhkan hubungan antara negara- negara ASEAN untuk meningkatkan perpaduan dan pemahaman berharga mengenai budaya tanpa mengira apa pun kelainannya."***
>
> **- Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**



HASIL kraf tangan turut dijual di Tamu Muafakat Kampung Long Mayan.

# Tamu Muafakat tarikan pelancong

**Berita dan Foto : Shari Haji Garib**

TUTONG, Ahad, 8 November. - Tamu Muafakat Kampung Long Mayan dihasratkan dapat membuka peluang kepada penduduk kampung dan sekitarnya menjual hasil perusahaan mereka seperti sayur-sayuran, buah-buahan, kuih-muih, kraf tangan dan seumpamanya dalam usaha meningkatkan ekonomi mereka.

Timbalan Setiausaha Majlis Perundingan Kampung (MPK) Long Mayan, Awang Muhammad Fidkran bin Abdullah ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI menjelaskan, tamu tersebut mula diadakan secara berkala sejak tahun 2001 atas usaha MPK kampung berkenaan.

Menurutnya Tamu Muafakat itu juga dapat mengeratkan silaturahim dan pemuafakatan penduduk kampung dan sekitarnya selain membolehkan MPK mengadakan aktiviti yang kadangkala dikendalikan bersama agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta.

Selain itu ujarnya, tamu tersebut juga dapat memberi peluang kepada penduduk dari luar kampung dan mukim termasuk pelancong berkunjung ke Kampung Long Mayan sambil menikmati hari kelepasan hujung minggu.

Tamu selama tiga hari, setiap hari Ahad pagi bermula 25 Oktober lepas bertempat di kawasan Balai Raya Kampung Long Mayan itu diadakan bersempena musim buah-buahan di negara ini.

Berbagai jenis buah seperti cempedak, petai, durian, rambutan, langsat dan lain-lain dijual di tamu tersebut.

Salah satu tanaman yang diusahakan secara besar-besaran oleh penduduk kampung tersebut ialah 'loba' yang umbutnya boleh dijadikan sayur.

Antara aktiviti yang dikendalikan bersama oleh MPK kampung tersebut dengan agensi kerajaan dan swasta ialah Kempen Menderma Darah, Sukan Ria Muhibah dan taklimat mengenai takaful dari BIDB.

Sementara itu, antara aktiviti yang akan diadakan sedikit masa lagi ialah taklimat dari Bahagian Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei bertajuk 'Peranan Belia Untuk Membanteras Jenayah'.

Kampung Long Mayan terletak di Mukim Ukong, kawasan pedalaman Ulu Tutong kira-kira 54 kilometer dari Pekan Tutong.

Kampung ini didiami oleh lebih dari 300 penduduk yang majoritinya puak Dusun dan 70 peratus daripadanya beragama Islam.

## Golongan pelajar terjebak pesalah dadah

**Oleh :**
**Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kira-kira empat ke lima peratus daripada jumlah keseluruhan tangkapan pesalah dadah di negara ini pada tahun 2008 yang melibatkan dari golongan pelajar sekolah.

Dengan kemudahan dan kemajuan IT yang serba canggih, penjenayah mengambil manfaat dari teknologi berkenaan untuk mempergiatkan aktiviti haram tersebut.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Mahdi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman menyatakan perkara tersebut semasa berucap di Majlis Pelancaran Aktiviti Anti Dadah Di Persekolahan Agama, berlangsung di Dewan Besar, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, baru-baru ini.

Beliau berucap, ibu bapa adalah contoh ikutan atau 'role model' yang memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan asas fizikal, fikiran, emosi dan tabiat anak-anak mereka sejak kecil lagi, manakala sekolah pula tambahnya, adalah tempat bagi golongan pelajar-pelajar menerima kesinambungan pendidikan yang telah dimulakan oleh ibu bapa, penjaga dan keluarga.

"Para guru perlu bersikap proaktif dalam menghadapi apa jua yang berhubung kait dengan disiplin pelajar khususnya mengenai masalah dadah, di mana pihak sekolah juga perlu memiliki kemahiran cara mengenalpasti pelajar yang bermasalah dan mengadakan sesi kaunseling yang teratur dan efektif," tegasnya.

Tegasnya, pendidikan agama seterusnya mestilah dititikberatkan dalam membentuk kehidupan bermasyarakat yang stabil dan harmoni. Justeru, pemerkasaan kurikulum pendidikan agama hendaklah dihayati pada semua peringkat umur dan lapisan masyarakat.

Seramai 42 orang peserta yang terdiri daripada pengetua-pengetua dan guru-guru besar sekolah-sekolah Arab dan guru-guru besar di sekolah-sekolah agama di seluruh negara menyertai program selama sehari itu.

Program yang dilaksanakan secara berperingkat itu bertujuan sebagai salah satu pendekatan dalam menangani isu dadah dan memberikan pengetahuan dan kefahaman tentang bahaya penyalahgunaan dadah terhadap mental, fizikal dan spiritual.

# Guru STPRI lawat Jabatan Penerangan



**ROMBONGAN dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri ketika mendengar taklimat mengenai Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI (PB) yang disampaikan oleh Ketua Unit PB, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim. - Foto : Azmah Haji Ahad**

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 November. - Seramai 24 orang tenaga pengajar dan kakitangan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Rombongan tersebut diketuai oleh Pegawai Kesejahteraan sekolah tersebut, Awang Haji Zulkifli bin Haji Lakim.

Semasa lawatan itu diadakan, rombongan telah mendengarkan taklimat mengenai Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI (PB) yang disampaikan oleh Ketua Unit PB, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim.

Antara perkara yang disentuh dalam taklimat itu termasuklah perkembangan PB sejak mula ianya diterbitkan pada 15 Februari 1956.

Awang Haji Jaafar juga menyentuh mengenai kemajuan yang dicapai seperti kemudahan Pelita Brunei 'Online' yang boleh dilayari pada jam 8.00 pagi pada setiap hari serta penerbitan bercetak dua kali seminggu dikenali sebagai Edisi Rabu dan Sabtu.

Dalam lawatan ini rombongan juga berkesempatan beramah mesra dan mengadakan sesi soal jawab bersama Pemangku Pengarah Penerangan Awang Haji Mahmud bin Haji Masri berserta pegawai-pegawai kanan, selain dibawa meninjau ke Bilik Unit Pelita 'Online' dan Unit Produksi PB untuk melihat secara lebih dekat lagi mengenai gerak kerja para pegawai dan kakitangan di unit-unit berkenaan.

Lawatan ini antara lain bertujuan bagi menambah nilai pengetahuan guru-guru yang baru berkhidmat di sekolah tersebut selain mengetahui serta mendengar secara lebih dekat lagi mengenai fungsi Bahagian PB sebagai salah satu 'core business' Jabatan Penerangan dalam menyalurkan maklumat kepada orang ramai sesuai dengan moto jabatan tersebut iaitu **'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.**

# UBD anjur Bengkel Projek Hijau

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**

TUNGKU LINK, Rabu, 28 Oktober. - Bagi menyemai pengetahuan sepanjang hayat dan kemahiran penanam pokok, Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Bengkel Projek Hijau Pusingan Pertama : Pemulihan Hutan.

Bengkel bagi para mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Sains UBD diadakan di kawasan hutan berhampiran fakulti berkenaan dengan dua pemudah cara, Pensyarah dari Program Biologi, Fakulti Sains UBD, Dr. Kushan Tennakoon dan dari Pusat Kajian Luar Kuala Belalong, Dr. Kamariah binti Haji Abu Salim serta dari Jabatan Perhutanan dan Kelab Sukarela UBD.

Bengkel dimulakan dengan penjelasan ringkas oleh Dr. Kushan Tennakoon yang antara lain menjelaskan teknik-teknik pembiakan tumbuh-tumbuhan.

Selain dari itu, Dr. Kushan Tennakoon juga menerangkan kaedah penyimpanan biji-biji benih yang betul dan cara-cara memotong batang, daun dan akar.

Semasa bengkel itu diadakan, lebih 60 orang peserta bengkel akan mengutip anak-anak pokok dari kawasan hutan berhampiran Fakulti Sains sebelum hutan berkenaan diratakan yang akan digunakan bagi membina bangunan tambahan fakulti berkenaan.



**DR. Kamariah binti Haji Abu Salim dari Pusat Kajian Luar Kuala Belalong ketika menerangkan kepada peserta Bengkel Projek Hijau Pusingan Pertama : Pemulihan Hutan mengenai cara penanaman pokok-pokok yang terdapat di negara ini. - Foto : Ihsan Borneo Bulletin.**

Anak-anak pokok itu nanti akan dipindahkan ke semaian UBD hinggalah sedia untuk ditanam dalam pusingan kedua bengkel berkenaan.

Dengan adanya bengkel seumpama itu, para mahasiswa dan mahasiswi selaku generasi muda hari ini akan dapat mengetahui secara lebih mendalam lagi cara-cara penanaman pokok-pokok dan bagaimana mengekalkan pokok-pokok berkenaan hidup serta mengetahui akan pentingnya pemulihan hutan-hutan yang ada di negara ini.

## Sekolah Arab Jerudong sambut Hari Pelajar

**Oleh :**
**Ak. Haji Mohd. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar**

JERUDONG, Sabtu, 21 November. - Sekolah Arab Jerudong mengadakan Majlis Sambutan Hari Pelajar bagi menghargai pencapaian murid-murid dalam Peperiksaan Akhir Tahun sekolah berkenaan yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah tersebut.

Menurut Guru Besar Sekolah Arab Jerudong, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad, seramai 174 orang pelajar telah lulus dalam peperiksaan akhir tahun yang mencatatkan 100 peratus kelulusan di sekolah berkenaan.

Manakala Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pula, sekolah berkenaan telah berjaya mempertahankan pencapaian 100 peratus, di mana dari 28 calon seramai sembilan pelajar telah mendapatkan pangkat 5A.

Beliau menjelaskan, mereka akan berpeluang untuk meneruskan pembelajaran mereka ke Ma'had Islam Brunei (MIB), Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSHHB), Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) atau di mana-mana institusi menengah di negara ini.

Beliau mengingatkan kepada pelajar-pelajar tersebut supaya sentiasa menjaga disiplin dan akhlak mereka dan juga teruskan berusaha dengan gigih kerana mereka berpeluang untuk meneruskan pembelajaran yang sangat terbuka luas yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ketua Bahagian Profesional Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Siti Mariam binti Awang Daud yang juga menyampaikan hadiah kepada Pelajar Terbaik PSR 2009, Pelajar Terbaik Keseluruhan Tahun Lima dan Enam, Kedatangan Kelas Terbaik Tahun Lima dan Enam, Kelasku Sayang Penghargaan Ar-Ra'ed dan juga pegawai/guru yang mengajar 'subjek-subjek' PSR, bagi tahun 2009.




**KETUA Bahagian Profesional Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Siti Mariam binti Awang Daud semasa menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang kepada adik Awang Ahmad Rusydi bin Haji Mohd. Salleh dari pelajar Tahun Enam 'Wardi'. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.**

## Peluang melanjutkan pelajaran

**Oleh :**
**Hezlinawati Haji Abd. Karim**

JERUDONG. - Pameran Pendidikan Belajar di United Kingdom (UK) diharap akan dapat membantu penuntut lepasan sekolah serta kakitangan dalam perkhidmatan, membuat pilihan bagi melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Berlangsung di Empire Hotel and Country Club, baru-baru ini di sini, pameran tersebut turut disertai oleh lebih 20 buah universiti yang menyediakan 'platform' bagi kemudahan membuat pilihan dan mengenal pasti kursus-kursus bersesuaian yang ditawarkan oleh pelbagai universiti-universiti yang terdapat di UK.

Ini merupakan kesempatan untuk bersemuka dengan kakitangan universiti-universiti terbabit mengenai kursus-kursus, kos sara hidup, yuran, penjagaan kesihatan dan sebagainya.

Semasa pameran, beberapa ceramah kerjaya juga diadakan, di samping ceramah mengenai prosedur permohonan dan yang berkaitan dengan keperluan-keperluan mahasiswa universiti dan Ph.D.

Pameran tersebut turut dikendalikan oleh para perwakilan dari beberapa buah agensi-agensi lain termasuk Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Bahagian Visa Suruhanjaya Tinggi British dan Takaful IBB Berhad.

Dengan adanya pameran pendidikan yang dikendalikan oleh 'HRD Services Global Education' ini, para pelajar boleh menilai prospek-prospek kerjaya selepas menamatkan pengajian mereka itu nanti.

# Pasukan Awat-Awat menjuarai Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**

SERASA, Ahad, 22 November. - Pasukan Pekayuh dari Awat-Awat, Sarawak muncul sebagai juara di Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Negara Brunei Darussalam setelah memenangi tiga acara dan sekali naib juara.

Pasukan Awat-Awat lebih menonjol apabila menguasai dalam acara terakhir iaitu Maraton bagi 30 orang pekayuh sejauh tiga kilometer bagi Kategori Tradisi Terbuka dengan meninggalkan Pasukan Seri Menanti dari Punang, Lawas di tempat kedua dan diikuti oleh Pasukan Tarap Bau.

Pasukan dari negara jiran ini buat pertama kalinya menterjemahkan keupayaan mereka menerusi acara 800 meter bagi 15 orang pekayuh menerusi Kategori Tradisi Terbuka dengan Pasukan Sungai Siamas berada di tempat kedua dan diikuti tempat ketiga oleh pasukan dari Kota Kinabalu, Sabah.

Pasukan jemputan ini sekali lagi unggul di hadapan dalam acara 800 meter bagi 15 orang pekayuh dalam Kategori ' Fiber Glass' Terbuka sambil diekori rapat oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat di tempat kedua dan Pasukan Kampung Tarap Bau di tempat ketiga.

Acara 800 meter bagi 30 pekayuh Kategori Tradisi Terbuka menjadi milik Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) apabila menjadi pasukan pertama menamatkan perlumbaan dengan diekori oleh Pasukan Kampung Tarap Bau di tempat kedua dan ketiga oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat.

Pasukan tentera ini buat kali kedua unggul di hadapan apabila sekali lagi mendominasi dalam acara 800 meter, sepuluh pekayuh dalam Kategori Fiber Glass' Tempatan setelah meninggalkan Pasukan Kampung Tamoi Ujong di tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Pasukan Kampung Tarap Bau.

Penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Kejohanan yang dikendalikan oleh Pasukan Lumba Perahu Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam ini disertai oleh sebelas buah pasukan termasuk empat buah daripadanya adalah pasukan jemputan.

Kejohanan tersebut diadakan bagi mencungkil bakat-bakat baru yang berpotensi yang bakal diserapkan sebagai pasukan pelapis bagi mewakili negara di kejohanan-kejohanan yang akan diadakan di dalam dan luar negara.



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal semasa menyampaikan piala kepada Pasukan Pekayuh dari Awat-Awat, Sarawak yang menjuarai Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.**

## TDDB juara regu Kejohanan Sepak Takraw ABDB

**Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar**
**Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**



**ANTARA aksi-aksi pemain yang cukup bersemangat ditunjukkan oleh pasukan-pasukan yang menyertai acara Kejohanan Sepak Takraw ABDB.**

MUARA, Rabu, 25 November. - Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) berjaya menumpaskan Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB) bagi kategori berpasukan dalam Perlawanan Peringkat Akhir Kejohanan Sepak Takraw ABDB yang diadakan hari ini.

Pasukan TDDB dengan mudah menewaskan pasukan IL ABDB 'straight set' dengan kiraan mata 21 - 9, 21 - 10 dan 21 - 17 pada perlawanan yang berlangsung di Dewan Gerak Badan, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) itu. Manakala pasukan TLDB menduduki tempat ketiga.

Penyampaian Piala Pusingan dan Trofi kepada para pemenang disampaikan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Kejohanan Sepak Takraw merupakan acara Sukan Tahunan ABDB yang antara lain untuk memupuk semangat kesukanan dalam bertanding ke arah yang positif, di samping mengeratkan hubungan silaturahim sesama pasukan dan para pemain.

Pusingan awal perlawanan yang dibahagikan kepada dua kategori (berpasukan dan bergu) itu berlangsung dari 19 November hingga 24 November yang baru lalu.

Lima pasukan dari unit-unit besar ABDB terdiri dari TDDB, IL ABDB, TLDB, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan Rejimen Pasukan Khas (RPK) menyertai kejohanan tersebut.

Pada perlawanan Kategori Antara Regu, TDDB juga muncul juara setelah berjaya menundukkan RPK dengan pungutan mata 2 - 0, sementara TLDB berada di tempat ketiga.

# Gelanggang gasing baru diserahkan

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**
**Foto : Abdullah Haji Awang Damit**

BERAKAS, Khamis, 26 November. - Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah kini mempunyai Gelanggang Gasingnya yang baru dan dianggarkan bernilai hampir setengah juta ringgit.

Projek pembinaan gelanggang sukan ini bermula sejak bulan Ogos lalu dan siap pada 25 November lepas dengan keluasan 1,500 meter persegi.

Gelanggang baru yang akan menjadi 'venue' rasmi bagi Kejohanan Sukan Borneo dalam acara Gasing ini telah diserahkan kuncinya kepada Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad daripada Jurutera Kerja Kanan di Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Dayang Hajah Siti Aidah dalam Majlis Serah Terima yang diadakan di gelanggang baru tersebut.

Gelanggang gasing ini dilengkapi dengan dua buah gelanggang yang masing-masing berukuran 10 x 10 meter persegi selain boleh memuatkan seramai seratus orang penonton dalam satu masa.



**BANGUNAN baru Gelanggang Gasing yang dianggarkan menelan belanja hampir setengah juta ringgit terletak di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.**




**PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad ketika menerima penyerahan replika kunci bangunan baru Gelanggang Gasing yang diserahkan oleh Jurutera Kerja Kanan di Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Dayang Hajah Siti Aidah pada Majlis Serah Terima, berlangsung di gelanggang baru tersebut.**

# MPM Keriam anjur Walkaton Amal Bertaja

**Berita dan Foto : Shari Haji Garib**

TUTONG, Ahad, 29 November. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Keriam hari ini telah mengadakan Ekspo Gerai Jualan Pertanian dan Perusahaan 2009 dan Walkaton Amal Bertaja di Kompleks Pasarneka dan Tamu Serambangun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran tersebut, Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali.

Ekspo dan Walkaton itu bertujuan untuk mengisi tabungan kewangan MPM Keriam dan Tabung Kebajikan Anak-anak Yatim di Daerah Tutong.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga Penghulu Mukim Keriam, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Muhd. Taha selaku Pengerusi Majlis dan seterusnya merasmikan pelancaran ekspo tersebut.

Walkaton yang juga disertai sama oleh tetamu kehormat merupakan salah satu aktiviti tahunan MPM Keriam. Sebelum memulakan walkaton acara senamrobik diadakan bertujuan untuk meregangkan otot dan pemanasan badan.

Melalui aktiviti-aktiviti dan kegiatan yang diatur oleh MPM itu telah dapat merapatkan hubungan silaturahim dan kerjasama di antara kalangan ahli-ahli MPM Keriam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diakhiri dengan Doa Selamat oleh Imam Masjid Kampung Keriam.



**PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali menyertai acara Walkaton Amal Bertaja anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Keriam, Tutong bagi tujuan untuk mengisi tabung kewangan MPM Keriam dan Tabung Kebajikan Anak-anak Yatim di Daerah Tutong.**

# Brunei - Jepun wujudkan kerjasama pelbagai bidang

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Disember. - Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam mengharapkan hubungan Jepun dan Negara Brunei Darussalam akan terus berkembang hingga 25 tahun akan datang atau menjangkau jubli emas hubungan dua hala kedua-dua negara.

Tuan Yang Terutama Hirose Noriki ketika menyatakan perkara itu di Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Jepun sempena meraikan ulang tahun ke-76 Maharaja Jepun, di Pusat Persidangan Antarabangsa menjelaskan, sejak penubuhan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara, Jepun dan Brunei telah mewujudkan hubungan mesra dan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Bidang-bidang tersebut katanya, adalah seperti ekonomi, budaya dan pertukaran antara rakyat kedua-dua negara dan hal-hal yang menyumbang ke arah perkembangan Jepun dan Brunei.

Empat perkara yang mengukuhkan hubungan antara Brunei dan Jepun jelasnya, ialah hubungan mesra antara kerabat diraja Jepun dan kerabat diraja negara ini, hubungan politik dan diplomatik, hubungan mesra antara penduduk kedua-dua negara dan signifikan kerjasama dalam teknologi saintifik.

Hadir mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia di majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Kemuncak majlis ialah memotong kek yang dilakukan oleh Tuan Yang Terutama Hirose Noriki bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Negara Brunei Darussalam dan Jepun telah menjalinkan hubungan diplomatik sejak 2 April 1984 dan sejak itu hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang iaitu ekonomi, tenaga, pendidikan, kebudayaan, pelancongan, pertanian, perhutanan, perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara terus diperkukuhkan.

Negara Jepun merupakan pengimport utama dan terbesar minyak dan gas cecair asli sejak tahun 1973 sehingga ke hari ini, melalui Syarikat Tokyo Gas yang ditubuhkan pada tahun 1885, di mana setiap tahun syarikat berkenaan membeli sejumlah 4.2 juta tan atau 44 peratus jumlah Gas Cecair Asli (LNG) dibekalkan dari Negara Brunei Darussalam.

Hubungan itu dipereratkan lagi menerusi penandatanganan Perjanjian Rakan Kongsi Ekonomi Brunei - Jepun (BJEPA) yang dimeterai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Jepun pada Jun 2007.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bersama Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hirose Noriki ketika memotong kek Sempena Hari Kebangsaan Jepun dan Hari Ulang Tahun Maharaja Jepun. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

*"Empat perkara yang mengukuhkan hubungan antara Brunei dan Jepun jelasnya, ialah hubungan mesra antara kerabat diraja Jepun dan kerabat diraja negara ini, hubungan politik dan diplomatik, hubungan mesra antara penduduk kedua-dua negara dan signifikan kerjasama dalam teknologi saintifik."*

**- Tuan Yang Terutama Hirose Noriki**

## Jemaah haji penerbangan pertama selamat pulang ke tanah air

**Oleh : Ak. Haji Mohd. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Disember. - Serombongan 181 orang jemaah haji penerbangan pertama negara ini selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini.

Rombongan haji penerbangan pertama ini mengandungi jemaah yang menyertai Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad dan Straits Central Agency Sendirian Berhad.

Seramai 766 orang jemaah negara ini menunaikan fardu haji dalam empat penerbangan.

Ibadah haji merupakan salah satu dari Rukun Islam Kelima dan hanya mereka yang berkemampuan dan memenuhi syarat-syarat tertentu yang wajib menunaikannya.

Justeru dengan semangat kental, ibadah haji dapat dilakukan dengan sempurna.

Semasa menemu bual bersama salah seorang jemaah haji yang baru pertama kali menunaikan ibadah haji, Awang Haji Mohd. Nawawi bin Haji Zaini menyatakan bahawa beliau terpaksalah meninggalkan isteri dan tiga anak kecil di tanah air untuk menunaikan fardu haji.

Menurutnya, meninggalkan keluarga adalah salah satu pengorbanan berat yang dialaminya.

Beliau serta adiknya, Awang Haji Abu Asaruddin bin Haji Zaini telah menunaikan fardu haji bersama-sama dan mereka berdua sudah berniat untuk menunaikan haji pada tahun ini.

Beliau seterusnya berkata pengalaman haji sangat istimewa dan merupakan pengalaman yang sangat berharga.



JEMAAH haji penerbangan pertama Negara Brunei Darussalam selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

# SMS Brunei Prihatin bagi DANA dilancarkan

**Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Disember. - Dalam usaha membantu anak-anak yatim di negara ini, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) telah melancarkan SMS Brunei Prihatin, berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Kebangsaan, di sini.

Pelancaran SMS Brunei Prihatin disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Projek SMS Brunei Prihatin bagi DANA yang akan berjalan selama dua bulan (60 hari) bermula 3 Disember 2009 hingga 31 Januari 2010 dijayakan oleh dua buah syarikat telekomunikasi DST Group Sendirian Berhad dan syarikat telekomunikasi B-Mobile Sdn Bhd untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk menderma.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi, selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim ketika melancarkan SMS Brunei Prihatin. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Orang ramai boleh menyumbang melalui SMS dengan jumlah BND1.00 atau BND5.00 atau BND15.00 atau BND20.00.

Setiap SMS yang dikirim khusus bagi sumbangan berkenaan tidak akan dikenakan sebarang caj perkhidmatan oleh kedua-dua syarikat telekomunikasi tersebut.

Para pengguna talian DST dan talian B-Mobile yang ingin membuat sumbangan bolehlah menaip kata laluan DANA diikuti jumlah sumbangan (1 atau 5 atau 10 atau 15 atau 20) tanpa jarak dan menghantar ke nombor 38111 (Contoh: DANA5 bagi sumbangan BND5.00).

Sementara itu, pelanggan B-Mobile juga boleh meneruskan sumbangan melalui 'wap-portal' yang disediakan sebagai kemudahan tambahan.

Projek SMS Brunei Prihatin bagi DANA turut disokong oleh Jabatan Radio dan Televisyen Brunei (RTB), selaku penyalur maklumat kepada orang ramai dengan mengumumkan setiap kutipan yang diterima dari semasa ke semasa melalui rangkaian radio dan televisyen RTB.

Tujuan utama projek ini adalah untuk meningkatkan rasa pemedulian dan kasih sayang di kalangan masyarakat terhadap golongan yang kurang bernasib baik yang memerlukan perhatian dan bantuan khususnya anak-anak yatim di negara ini.

Projek SMS Brunei Prihatin bagi Dana diungkayahkan sejak tahun 2007.

Pelancarannya merupakan kali keempat sebagai salah satu usaha tambahan dalam mempelbagaikan cara untuk mendapatkan sumber kewangan, di samping cara-cara lain yang telah dan sedang dijalankan sejak DANA ditubuhkan pada 25 Ogos 1998.

سلامت كمبالي كتانهاير دغن منداڤت حاج يڠممبرور

**SELAMAT KEMBALI KE TANAH AIR DENGAN MENDAPAT HAJI YANG MABRUR**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.